

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

Rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum yang bertutur dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Malaysia, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Lantaran itu, di Malaysia amalan mengalih kod dari satu bahasa kepada satu bahasa lain ketika berkomunikasi sesama sendiri adalah fenomena linguistik yang lumrah. Umpamanya di antara bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris atau dengan bahasa Tamil. Hal ini di sebabkan oleh latar belakang masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik dan sistem pendidikan Malaysia yang mengamalkan lebih daripada satu bahasa. Pertembungan dua atau lebih bahasa boleh mengakibatkan pengalihan kod. Proses peminjaman dari satu bahasa ke satu bahasa lain turut mengakibatkan pengalihan kod. Fenomena pengalihan kod merupakan sesuatu yang biasa berlaku apabila berlakunya pertembungan bahasa.

Contoh: **How much** sebungkus nasi lemak ? (Contoh pengkaji)

Bab ini membincangkan latar belakang, pernyataan masalah dan tujuan kajian yang akan menjadi garis panduan bagi perkembangan kajian. Pengkaji menghuraikan kepentingan kajian dan rasional untuk mengendalikan kajian ini. Had sempadan yang membatasi kajian ini juga dibincangkan dalam bab ini. Dalam Kajian ini pengkaji mengkaji fenomena pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di Universiti Malaya.

## **1.1 Bahasa Tamil**

Bahasa Tamil berstatus bahasa klasik dan salah satu bahasa utama dalam keluarga bahasa Dravidian. Ia adalah bahasa rasmi di Tamil Nadu, Selatan India dan salah satu bahasa rasmi di Sri Lanka dan Singapura. Sebilangan besar masyarakat Tamil di Sri Lanka, Malaysia, Singapura, Mauritius, Afrika Selatan serta masyarakat emigran Tamil di seluruh pelusuk dunia menggunakan bahasa Tamil dalam pertuturan mereka.

Menurut Kulandasamy (1989/90) Bahasa Tamil adalah salah satu bahasa klasik yang terunggul dan masih hidup dengan tradisi kesusasteraan yang tidak terputus. Walau bagaimanapun taraf penggunaan bahasa Tamil di Malaysia sedang mengalami beberapa peringkat perubahan dan ketidakseimbangan.

Di Malaysia bahasa Tamil bertembung dengan beberapa bahasa asing yang menyebabkan pencemaran bahasa Tamil dalam komunikasi seharian. Menurut Janakey Raman (2006) rakyat Malaysia boleh bertutur lebih daripada satu bahasa. Pernyataan di atas adalah memadai dan jelas untuk menjangkakan kemungkinan wujudnya fenomena pengalihan kod multibahasa dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaya yang berketurunan Tamil dan menggunakan bahasa Tamil dalam pertuturan harian. Pada umumnya, para mahasiswa-mahasiswi ini mendapat pendidikan Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Pada peringkat sekolah Menengah pula pelajar-pelajar mempelajari bahasa Tamil sebagai matapelajaran pilihan, iaitu sebagai bahasa ibunda *P.O.L (People's Own Language)* sampai ke tingkatan lima.

Justeru kerana kajian ini dijalankan dalam kalangan penutur bahasa Tamil yang berpendidikan bahasa Tamil, maka adalah wajar untuk kita mengetahui serba sedikit mengenai latar belakang masyarakat Tamil Malaysia dari segi penghijrahan penutur Bahasa Tamil ke Malaysia, perkembangan sekolah Tamil di Malaysia dan pengajaran Bahasa Tamil sebagai **P.O.L (People's own Language)** di sekolah Menengah.

### **1.2.1 Penghijrahan penutur bahasa Tamil ke Malaysia**

Pada awal abad ke-19 kuasa-kuasa barat mula bertapak di India. Penjajah British membawa masuk orang India ke negara-negara seperti Fiji, Afrika Selatan, Burma dan Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh kasar. Penjajah-penjajah seperti British, Perancis, Belanda dan Portugis membawa masuk orang-orang India ke ladang-ladang di tanah jajahan mereka di beberapa negara di Asia dan Afrika. Mereka berkerja sebagai buruh-buruh kasar di ladang-ladang getah, kelapa sawit dan tebu. Selain daripada itu mereka juga melibatkan diri dalam bidang infrastruktur seperti pembinaan landasan keretapi, jalanraya dan sebagainya (Kandan 1979).

Menurut Janakey Raman (2006) Kulandasamy (1989/90) dan Kandan (1979) penghijrahan orang-orang India bermula pada akhir abad ke-18 iaitu selepas kuasa-kuasa barat mula bertapak di India.

Pada mulanya masyarakat India yang berhijrah atau dibawa masuk ke Tanah Melayu dari India ini adalah bersifat sementara (*temporary nature*), iaitu bertujuan untuk balik semula ke Tamil Nadu, India setelah mengumpulkan wang yang diperlukan dan mencukupi. Hasrat sedemikian telah mendorong mereka untuk berkerja di kawasan-

kawasan terpencil dan mendalam yang baru dibuka untuk penanaman kopi, getah dan tebu (Kulandasamy 1989/90: 20).

Pada asalnya masyarakat India yang berhijrah ke Tanah Melayu ini mempunyai bahasa ibunda yang berlainan seperti bahasa Tamil, Malayalam, Telugu dan bahasa-bahasa dari utara India. Majoriti daripada mereka ialah penutur bahasa Tamil, oleh itu bahasa Tamil digunakan secara meluas sebagai bahasa utama dalam kalangan masyarakat India Malaysia (Kandan 1979).

**Jadual 1.1: Taburan Penghijrahan Penduduk mengikut kaum di Malaysia  
dari tahun(1911-1957)**

<b>BILANGAN</b>				
<b>KAUM</b>	<b>1921</b>	<b>1931</b>	<b>1947</b>	<b>1957</b>
Tamil	3,87,509	5,14,778	4,60,985	6,34,681
Telugu	39,986	32,536	24,093	27,670
Malayalam	17,190	34,898	44,339	72,971
Lain-lain				
Sikh	9,307	18,149		
Punjabi	6,144	19,094		
Bengali	5,072	1,827		
Gujarati	404	1,300		
Marathi	29	86	70,199	84,934
Padan	804	2,700		
Sindhi	3,736	5,479		
<b>Jumlah</b>	<b>470,180</b>	<b>621,847</b>	<b>599,616</b>	<b>820,256</b>


(Sumber: NEGARA KITA-sejarah pentadbiran dan Dasar pembangunan  
(Institut Tadbiran Awam Negara)

Jadual di atas menerangkan tentang penghijrahan kaum India berterusan dari tahun 1921 hingga ke tahun 1957. Ia menunjukkan perubahan dalam bilangan penduduk Kaum India di Malaysia.

Berikut adalah cara-cara penghijrahan masyarakat India ke Tanah Melayu

**Jadual 1.2: Penghijrahan Masyarakat India ke Tanah Melayu (1844-1941)**

**Cara-cara Penghijrahan.**



(Sumber: SANDHU K.S “Indian in Malaya” immigration and settlements 1786-1967)

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia yang terkini daripada jumlah rakyat di Malaysia pada Bancian 2008, 27,728,700 ribu adalah penduduk warganegara Malaysia. Daripada jumlah ini kaum India (Tamil, Telugu, Malayalam, Sikh, Punjabi) terdiri daripada 6.9 % iaitu 1,910,700 orang. Jumlah ini menjelaskan bahawa masyarakat India merupakan golongan etnik ketiga terbesar di semenanjung Malaysia.

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005-2009)

### **1.2.2 Perkembangan Sekolah Tamil di Malaysia**

Pendidikan awal bagi penutur bahasa Tamil ini bermula di ladang-ladang. Kelas Tamil pertama diadakan secara rasmi di negara ini iaitu di *Penang Free School* pada tahun 1816. Di sekolah ini mata pelajaran bahasa Tamil diajar sebagai satu matapelajaran (Kandan, A 1979:14). Justeru kerana kekurangan pelajar maka bahasa Tamil hanya diajar selama dua tahun sahaja. Pada tahun 1850, pertubuhan-pertubuhan mubaligh Kristian di Malaysia telah menubuhkan sebuah sekolah "*Anglo-Tamil*" di mana Bahasa Inggeris dan bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar di sekolah ini (Kandan 1979:14). Masyarakat Tamil pada masa itu menyedari bahawa melalui pendidikan bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil sahaja mereka dapat mengekalkan identiti bangsa mereka (Kandan 1979).

Menurut Murasu Nedumaran (1997), Yayasan strategik sosial, sebuah NGO telah mengemukakan sebuah memorandum bertajuk *Pelan Induk Sekolah-Sekolah Tamil* pada tahun 2001. Memorandum ini mencadangkan beberapa cadangan untuk meningkatkan taraf standard sekolah Tamil di Malaysia. Pada tahun 1969 di Malaysia terdapat lebih kurang 662 buah Sekolah Tamil. Namun begitu bilangan sekolah Tamil telah berkurangan dan menjadi 523 buah sekolah sahaja dalam masa 54 tahun iaitu pada tahun 2011.

Jadual 1.3 memberi penerangan tentang bilangan sekolah-sekolah Tamil yang terdapat di Malaysia mengikut tahun. Sejak tahun 1963 hingga ke tahun 2009 terdapat kemerosotan dari segi bilangan sekolah. Pada tahun 2011 hanya terdapat 523 buah sekolah Tamil sahaja di Malaysia. Beberapa faktor menyebabkan kemerosotan sekolah-sekolah Tamil. Di antaranya ialah faktor penggabungan sekolah- sekolah

Tamil di ladang-ladang dan dasar kerajaan yang tidak menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah baru. Walaupun bilangan sekolah Tamil semakin berkurangan, bilangan pelajarinya semakin meningkat dari tahun demi tahun.

**Jadual 1.3 Bilangan sekolah-sekolah Tamil dari tahun 1963 hingga 2009**

<u>TAHUN</u>	<u>1963</u>	<u>1968</u>	<u>1973</u>	<u>1985</u>	<u>1991</u>	<u>1998</u>	<u>2000</u>	<u>2006</u>	<u>2009</u>
<u>Jumlah</u>	720	<u>680</u>	<u>631</u>	<u>555</u>	<u>543</u>	<u>530</u>	<u>526</u>	<u>537</u>	<u>523</u>



**Jadual 1.4 Bilangan Sekolah Tamil Mengikut Negeri, sekolah, pelajar, guru dan darjah di Malaysia (2001)**

<b>Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (Negeri)</b>				
<b>Negeri</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Pelajar</b>	<b>Guru</b>	<b>Darjah</b>
Perak	137	16545	1212	903
Selangor	98	25015	1614	944
Pahang	36	4080	306	243
Kelantan	1	28	6	6
Johor	70	11748	795	587
Kedah	58	10053	639	454
Melaka	21	2881	221	146
Negeri Sembilan	61	10037	677	449
Penang	28	4901	336	200
Perlis	1	99	5	6
Terengganu	-	-	-	-
Wilayah Persekutuan	15	2626	187	95
Sabah	-	-	-	-
Sarawak	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>526</b>	<b>89013</b>	<b>5998</b>	<b>4033</b>

( The Sun: 29.4.2001)

Jadual 1.4 menunjukkan jumlah sekolah Tamil mengikut negeri, jumlah pelajar, jumlah sekolah, jumlah guru dan jumlah bilik darjah di Malaysia pada tahun 2001. Jadual ini memberi penerangan yang jelas mengenai bilangan sekolah mengikut negeri, bilangan pelajar mengikut negeri, bilangan guru mengikut negeri dan juga bilangan bilik darjah mengikut negeri.

**Jadual 1.5 Jadual Kemosrotan Sekolah Tamil Di Wilayah Persekutuan dan Selangor (1972- 2005).**

<b>Kemosrotan Sekolah Tamil Di Wilayah Persekutuan dan Selangor (1972- 2005)</b>			
<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Sekolah pada tahun 1972</b>	<b>Bilangan Sekolah pada tahun 2005</b>	<b>Kurang/Lebih</b>
Wilayah Persekutuan	28	15	-13
Kelang	31	13	-18
Kuala Selangor	24	22	-2
Kuala Langat	18	13	-2
Ulu Selangor	21	9	-12
Ulu Langat	17	7	-10
Sabak Bernam	4	2	-2
Petaling	-	14	-
Gombak	-	7	-
Sepang	-	8	-
<b>Jumlah</b>	<b>143</b>	<b>110</b>	<b>- (33)</b>

Sumber: Keratan Jabatan Pendidikan 1972/2005

Jadual di atas menunjukkan perkembangan dan kemosrotan dalam bilangan Sekolah-Sekolah Tamil di Malaysia 2005. (Sumber: keratan Jabatan Pendidikan 1972/2005).  
 Jadual ini jelas menerangkan bahawa hampir semua daerah di Selangor dan di Wilayah Persekutuan mengalami kemosrotan dari segi bilangan sekolah. Kemosrotan bilangan sekolah-sekolah Tamil ini disebabkan oleh dasar kerajaan yang tidak menggalakan penubuhan sekolah-sekolah baru.

### **1.2.3 Pengajaran Bahasa Tamil sebagai *P.O.L (People's Own Language)* di Sekolah Menengah**

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bahasa Tamil digunakan secara berterusan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Jenis kebangsaan Tamil. Ini adalah hasil daripada Laporan Razak yang dilaksanakan mulai tahun 1956 (Supramani 2005:10). Laporan Razak membenarkan pengajaran bahasa Tamil sebagai

mata pelajaran pilihan bagi pelajar-pelajar di Sekolah Menengah di Malaysia. Bahasa Tamil juga digelar sebagai bahasa ibunda ataupun *People's Own Language (P.O.L)*.

Pengajaran bahasa ibunda tak diabaikan di negara Malaysia. Artikel 152 dalam perlembagaan persekutuan menyatakan bahawa:

*“The national language shall be the Malay Language provided that (a) no person shall be prohibited from using otherwise or learning any other language and (b) nothing, in this clause shall prejudice the right of the Federal Government or any state Government to preserved and sustain the use and the study of language of any other community in the federation”.*

(Perlembagaan Persekutuan, Artikel 152)

Dengan kata lain, setiap individu mempunyai hak untuk menggunakan bahasa ibunda masing-masing untuk tujuan tak rasmi, tetapi bukan untuk tujuan rasmi. Pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda merupakan satu hak yang tidak boleh dinafikan dan dipertikaikan.

Justeru itu setiap pelajar yang tamat pendidikan di sekolah rendah masih boleh mempelajari bahasa Tamil sebagai matapelajaran *P.O.L* di sekolah menengah sehingga ke tingkatan lima.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Masyarakat Tamil Malaysia yang menetap di Tanah Melayu mengalami pelbagai perubahan dalam bahasa dan budaya mereka. Keadaan ini adalah sesuatu yang lazim dalam kalangan penduduk yang berbilang bahasa dan bangsa seperti di Malaysia. Walau bagaimanapun bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negara ini dan bahasa Inggeris sebagai bahasa antara bangsa menjadi bahasa komunikasi utama di Malaysia.

Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris merupakan bahasa perhubungan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa. Kebanyakan masyarakat Tamil di Malaysia cenderung mencampuradukkan bahasa-bahasa lain ke dalam pertuturan sehingga menjadi satu kebiasaan tanpa disedari oleh mereka (Paramasivam, M. 2010). Walaupun bahasa Tamil dipertuturkan secara meluas dalam setiap aktiviti harian dalam kalangan masyarakat Tamil di negara ini. Media elektronik serta media cetak yang melibatkan kaum Tamil banyak menggunakan bahasa Tamil sebagai media perantaraan. Tambahan pula, Perlembagaan Malaysia melalui (Artikel 152) memberi kebenaran kepada setiap kaum di negara ini mengamalkan bahasa dan budaya masing-masing dalam setiap bidang termasuk sistem pendidikan. Justeru itu, bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar di (SJKT) sekolah-sekolah aliran Tamil. Di peringkat sekolah menengah pula bahasa Tamil menjadi salah satu mata pelajaran elektif. Bahasa Tamil juga diajar di pusat-pusat pengajian tinggi iaitu di Institut Perguruan dan juga di universiti.

Kebanyakan penduduk Tamil di Malaysia cenderung mencampuradukkan bahasa lain ke dalam pertuturan sehingga menjadi satu kebiasaan tanpa disedari oleh mereka. Ahli linguistik Malaysia Awang Sariyan (2004), menyatakan bahawa pengalihan kod merupakan kesalahan bahasa yang boleh menjejaskan budaya bahasa yang sihat sesuatu masyarakat.

Menurut Paramasivam, M. (2010), walaupun bahasa Tamil mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari turun-temurun, namun ia menjadi masalah kepada penutur multilingual yang sentiasa mencampuradukkan Bahasa Tamil dengan bahasa lain. Di Malaysia penutur jati bahasa Tamil mempunyai kemahiran bertutur tiga bahasa iaitu bahasa Tamil, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dalam situasi ini penutur bahasa

Tamil yang mempunyai kemahiran dalam ketiga-tiga bahasa ini terpaksa mencampuradukkan bahasa-bahasa lain dan ia tidak dapat dielakkan apabila mereka bercampur dengan pelajar- pelajar kaum lain yang terdapat di Malaysia.

Walaupun bahasa Tamil diajar secara formal di sekolah-sekolah Tamil, Sekolah-sekolah menengah dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi tetapi para penuturnya lebih cenderung menggunakan bahasa Tamil rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa-bahasa asing. Selain itu, fenomena pengalihan kod dalam pertuturan bahasa Tamil di Malaysia bukan sahaja membayangkan corak penggunaan bahasa dalam kalangan penduduk setempat yang bermultilingual, tetapi juga menonjolkan satu variasi bahasa Tamil Malaysia yang berbeza.

Menurut James M. Anderson ( 1979 ) pengalihan kod telah menjadi kebiasaan kepada penutur-penutur asli yang hidup dalam suasana masyarakat multilingual. Namun begitu, pengalihan kod tidak wajar berlaku dalam situasi pengajaran dan pembelajaran bahasa secara formal. Dalam situasi tidak formal juga pengalihan kod tidak digalakkan dan fenomena ini dianggap sebagai pencemaran bahasa atau kesalahan bahasa yang harus dielakkan. Pengalihan kod dalam pertuturan bahasa Tamil akan mendatangkan kesan yang buruk dan akan menjejaskan keaslian bahasa Tamil. Maka dengan ini, wajarlah dikaji fenomena pengalihan kod dalam kalangan penutur-penutur bahasa Tamil di universiti Malaya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji fenomena pengalihan kod yang berlaku dalam kalangan penutur bahasa Tamil di Universiti Malaya. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti bahasa yang kerap dialihkan kod ke dalam bahasa Tamil dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di Universiti Malaya.
2. Untuk meninjau faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di Universiti Malaya.
3. Untuk mengetahui peringkat-peringkat pengalihan kod seperti peringkat ayat, perkataan, frasa atau klausa.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Pengkaji telah menentukan persoalan kajian berdasarkan objektif kajian supaya tidak menyeleweng daripada tajuknya. Berikut adalah beberapa persoalan yang akan dikaji dalam penyelidikan ini:

1. Apakah kekerapan pengalihan kod yang berlaku pada peringkat perkataan ,frasa dan ayat dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di Universiti Malaya ?
2. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di Universiti Malaya?
3. Apakah bahasa yang lebih kerap digunakan dalam pengalihan kod ke dalam bahasa utama?
4. Apakah pola-pola perlakuan pengalihan kod yang wujud sewaktu pertuturan dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di Universiti Malaya ?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menggambarkan keistimewaan dan keunikan bahasa Tamil yang dipertuturkan oleh mahasiswa-mahasiswi Tamil di universiti Malaya. Bahasa Tamil yang dipertuturkan oleh penutur Tamil ini menunjukkan ciri-ciri variasi baru. Variasi baru ini diwujudkan oleh penutur-penutur bahasa Tamil yang mencampuradukkan dengan bahasa-bahasa lain.

Pengkaji mengakui bahawa bahasa dan budaya asing yang terdapat di Malaysia telah banyak mempengaruhi penutur Tamil di Malaysia. Maka, kajian ini amatlah penting untuk menjelaskan sejauh manakah bahasa-bahasa asing mempengaruhi penutur Tamil Malaysia. Ia juga akan memaparkan kekuatan pengaruh bahasa asing terhadap bahasa ibunda yang mewujudkan suatu bahasa rojak.

Hasil kajian ini akan memaparkan ciri-ciri bahasa Tamil yang dipertuturkan oleh mahasiswa-mahasiswi di Universiti Malaya. Kajian ini akan mengkaji sejauhmana ketulenan atau keaslian bahasa Tamil masih wujud atau sudah wujud percampuran bahasa asing dalam kalangan penutur Tamil di Malaysia.

Pengkaji merasakan kajian ini amat penting kerana hasil penemuan kajian ini akan dijadikan input bagi penyelidik pada masa hadapan. Kajian ini juga memperlihatkan corak bahasa Tamil yang mengalami satu variasi baru dan memperlihatkan corak bahasa Tamil yang digunakan oleh penutur-penutur Tamil di Malaysia.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini terhad kepada pengalihan kod yang berlaku dalam kalangan penutur-penutur Tamil di Universiti Malaya. Kajian ini berdasarkan rakaman perbualan situasi tidak formal di Universiti Malaya.

Pengkaji memfokuskan kepada bahasa pertuturan yang dipertuturkan oleh penutur penutur Tamil. Sebanyak tiga puluh enam sampel kajian dipilih dari universiti Malaya untuk menjalankan kajian ini. Mahasiswa-mahasiswi yang dipilih adalah dari Universiti Malaya dalam lingkungan umur 21 hingga 28 tahun. Latar belakang sosiobudaya mahasiswa- mahasiswi turut diambil kira semasa pengumpulan maklumat untuk menentukan sebab-sebab berlakunya fenomena pengalihan kod dalam kalangan penutur- penutur Tamil di Universiti Malaya.

Oleh sebab latar belakang masyarakat Tamil Malaysia yang agak kompleks iaitu mereka berkebolehan menutur dalam beberapa bahasa dialek dan bahasa lain seperti bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, oleh yang demikian mereka tidak boleh memilih satu atau dua bahasa yang sering dipertuturkan oleh mereka iaitu bahasa Tamil.

Bahasa utama kajian ini pula adalah terhad kepada bahasa Tamil lisan yang digunakan dalam perbualan tidak formal sewaktu mereka berkomunikasi antara satu sama lain atau dengan pengkaji sendiri. Walaubagaimanapun, cara berkomunikasi serta gerak balas mahasiswa-mahasiswi sewaktu temubual akan hanya digunakan sebagai bahan kajian sampingan sekiranya terdapat bukti-bukti ketara menunjukkan unsur-unsur asimilasi budaya mereka.



## **1.8 Definisi Operasional**

Bagi memudahkan pembaca, pengkaji memberikan definisi kepada istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Diharapkan dengan penerangan makna dan huraian kata yang diberikan dapat memudahkan pemahaman pembacaan.

### **1.8.1 Pengalihan Kod**

Istilah-istilah seperti pengalihan kod (code switching) percampuran kod (codemixing), perubahan kod (code alteration) dan percampuran bahasa (language mixing) kerap kali digunakan untuk menggambarkan penggunaan lebih daripada satu bahasa secara selang seli. Beberapa definisi telah diberikan oleh ahli sosio-linguistik mengenai konsep pengalihan kod. Myers-Scotton dan Ury (1977) misalnya memberikan suatu definisi mengenai pengalihan kod. Menurut beliau pengalihan ini mungkin melibatkan sepetah perkataan atau untuk beberapa minit pertuturan.

Nik Safiah Karim (1988:461) pula melihat pengalihan kod dari segi bahasa. Beliau mendefinisikan pengalihan kod sebagai gejala perubahan dalam penggunaan bahasa atau jenis bahasa yang diketahui oleh seseorang. Pengalihan kod ini boleh berlaku dalam sesuatu bentuk sebahagian daripada percakapan.

Asmah Haji Omar (1996:81) mendefinisikan pengalihan kod sebagai pemasukan ayat-ayat atau tutur kata daripada bahasa atau dialek lain apabila bercakap dalam bahasa atau dialek tertentu. Pengalihan kod berlaku jika penutur mempunyai kemahiran bertutur yang baik dalam bahasa keduanya, sehingga dia dapat mengalih pemilihan daripada satu kod kepada kod yang lain seolah-olah tidak ada sebarang sekatan dalam pertuturannya itu.

Setelah meneliti beberapa definisi di atas maka pengkaji merumuskan bahawa pengalihan kod adalah penggunaan dua atau lebih bahasa pertuturan secara berselang - seli dalam sesuatu ujaran. Sistem fonemik kod-kod yang berbeza dan kod yang digunakan tidak menyebabkan asimilasi sepenuhnya. Pengalihan kod merujuk kepada penggunaan bahasa yang mengalih dari satu bahasa yang digunakan ke satu bahasa yang lain. Contohnya, ayat-ayat dahulu disampaikan dengan menggunakan bahasa Malaysia (BM), dan seterusnya ditukar ke bahasa Inggeris (BI) atau ke bahasa Tamil (BT) dan disampaikan dengan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya. Menurut pendapat pengkaji ianya tidak dapat dielakan dalam kalangan masyarakat Tamil yang berkebolehan bertutur sekurang-kurangnya lebih daripada tiga bahasa.

### **1.8.2 Masyarakat Dwibahasa**

Masyarakat dwibahasa merujuk pada golongan manusia yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dua bahasa. Menurut Kamus Dewan Bahasa (2005), dwibahasa didefinisikan sebagai sesuatu yang dinyatakan dalam dua bahasa.

### **1.8.3 Masyarakat Polibahasa (Multilingual)**

Istilah Polibahasa (multilingual) merujuk kepada golongan manusia yang mempunyai kebolehan berkomunikasi lebih daripada dua bahasa.

## **1.9 Tahap penglihatan kod**

Tahap pengalihan kod dalam kalangan penutur bahasa Tamil Malaysia membabitkan pengalihan kod pada beberapa tahap seperti pada tahap perkataan, frasa, klausa atau ayat. Berikut diberikan definisi tahap-tahap pengalihan kod.

### 1.9.1 Peringkat Perkataan

Ia ditakrifkan sebagai bentuk bebas yang terkecil yang membawa maksud. Perkataan boleh berdiri sendiri dan tidak boleh dibahagikan atau dipisahkan kepada bentuk tatabahasa yang kecil. Ia berlaku tanpa sebarang penambahan imbuhan bahasa.

*Contoh:*

*enakku daddy va:ngki kodutharu*

*எனக்கு daddy வாங்கி கொடுத்தாரு.*

*(Ayah membelikan untuknya )*

Ada pendapat yang mengatakan bahawa pengalihan kod di peringkat perkataan yang menggunakan penambahan imbuhan ini sebagai “pengalihan kod” dan perkataan menurut Abdul Rahim (2000) sehingga sesuatu item itu tidak mengalami asimilasi yang sepenuhnya ianya dianggap sebagai pengalihan kod.

### 1.9.2 Peringkat Frasa

Frasa adalah unit yang terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang - kurangnya dua perkataan atau perkataan yang berpotensi untuk menjadi dua (2) perkataan atau lebih. Ianya juga sama seperti di peringkat perkataan digunakan tanpa perubahan atau tanpa penambahan imbuhan dibelakangnya. Pengalihan kod di peringkat frasa biasanya berbentuk frasa majmuk (compound phrase). Ianya juga sama seperti di peringkat perkataan, digunakan tanpa perubahan atau tanpa penambahan imbuhan dibelakangnya.

*Contoh:*

*home work kodutha:ngka teacher*

*home work கொடுத்தாங்க teacher.*

*Cikgu memberikan kerja rumah.*

Frasa-frasa dengan penambahan imbuhan bahasa lain berlaku seperti berikut juga dianggap sebagai pengalihan kod kerana terdapat pemisahan yang nyata antara kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Tamil dan bahasa Inggeris.

*Contoh:*

*panathai bankle po:dala:e*

*பணத்தை bank-ல போடல*

*tidak depositkan wang dalam bank.*

### **1.9.3 Peringkat Klausa**

Ia adalah rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan prediket dengan kata lain klausa terdiri dari frasa dan merupakan unsur ayat. Fenomena pengalihan kod di peringkat klausa adalah sangat kurang berbanding peringkat lain. Dalam peringkat ini hanya sebahagian mesej sesuatu ayat disampaikan dalam kod yang lain.

*Contoh:*

*ennudaiya poluthu po:kku stamp collecting.*

*என்னுடைய பொழுதுபோக்கு stamp collecting*

*Hobi saya adalah mengumpulkan setem.*

#### **1.9.4 Peringkat Ayat**

Ayat terbentuk daripada satu atau dua perkataan atau susunan beberapa perkataan yang diucapkan dengan intonasi yang sempurna. Kod yang dimaksudkan boleh jadi satu bahasa atau variasi bahasa seperti dialek, idiolek dan sebagainya. Pengalihan kod dalam peringkat ayat wujud sebagai satu ayat yang penuh atau lengkap.

*Contoh:*

*why shalini not coming?*

*Kenapa Shalini tak datang?*

Setelah meneliti beberapa definisi dan takrifan, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa terdapat dua jenis pendapat yang berbeza. Pendapat yang satu lagi pula menyatakan bahawa pengalihan kod hanya berlaku diperingkat ayat (inter sentention) dan pengalihan yang berlaku di peringkat perkataan lain atau pembauran kod (inter sentential).

#### **1.10 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya bab ini membincangkan mengenai fenomena pengalihan kod yang berlaku dewasa ini dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa Tamil di Universiti Malaya. Fenomena sosial dari aspek perlakuan bahasa atau lebih khususnya pengalihan

kod bahasa komunikasi dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di universiti Malaya adalah merupakan fokus kajian ini.

Walaupun bagaimanapun pertembungan dua atau lebih bahasa yang berbeza boleh mengakibatkan perubahan dan perkembangan dalam sesuatu bahasa. Begitu juga bahasa Tamil Malaysia turut mengalami pelbagai perubahan hasil dari pengaruh bahasa-bahasa lain. Justeru itu, kajian ini membincangkan fenomena pengalihan kod serta sebab-sebab wujudnya fenomena tersebut dalam kalangan penutur bahasa Tamil yang sedang menuntut di Universiti Malaya.

Ia juga memberi perhatian kepada bahasa yang kerap dipilih untuk pengalihan kod dalam situasi di mana bahasa Tamil harus digunakan tanpa sebarang percampuran bahasa-bahasa lain. Dari zaman sebelum merdeka hingga kini, pelbagai rancangan usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan, persatuan-persatuan dan individu untuk mengekalkan identiti budaya Tamil dan bahasa Tamil kaum ini.

Bab ini turut menyentuh kepentingan kajian yang dilakukan berdasarkan permasalahan pengkaji ke atas kajian-kajian lepas yang telah di jalankan berhubung fenomena pengalihan kod dalam konteks masyarakat Tamil Malaysia. Akan tetapi penggunaan bahasa Tamil masih kekal dalam kalangan penutur Tamil dengan adanya sekolah-sekolah Tamil. Bagi memfokuskan kajian, pengkaji menyimpulkan objektif kajian dan persoalan kajian yang perlu dicari jawapannya. Disamping itu, bab ini juga turut membincangkan tentang batasan kajian dan kepentingan hasil kajian ini.

## **BAB 2**

### **KAJIAN PERPUSTAKAAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Fenomena pengalihan kod merupakan suatu isu yang menarik minat ramai ahli bahasa dan penyelidik sarjana. Pengalihan kod adalah sesuatu yang biasa dan tidak dapat dielakkan dalam kalangan penutur dwibahasa dan pelbagai bahasa. Dalam masa lima puluh tahun kebelakangan ini terdapat beberapa edisi bahasa diterbitkan bagi membicarakan tentang fenomena pengalihan kod. Pengkaji-pengkaji pengalihan kod telah mengkaji fenomena ini dari pelbagai perspektif secara kasarnya kepada dua pendekatan iaitu pendekatan linguistik dan sosiolinguistik.

#### **2.1 Sejarah Pengalihan kod**

Menjelang tahun 1896, suatu perselisihan faham wujud di California yang membangkitkan Oakland Ebonics Resolution mengakui bahawa Bahasa Inggeris Vernakular Afrika Amerika { AAL/ African American Vernacular English (AAVE) } sebagai bahasa utama bagi penuntut-penuntut Afrika yang menetap di Amerika. Akibat ini sosiolinguistik mula memainkan peranan yang penting dalam kalangan pengkaji bahasa Inggeris.

Pengkaji yang menggunakan pendekatan sosiolinguistik (Marasingan 1980, Gumperz 1972, Myers-Scotton 1993, Adendorff, 2001) lebih berminat kepada dimensi sosial penggunaan bahasa dalam kalangan pengalihan kod.

Pengkaji yang mengambil pendekatan linguistik seperti (Myers-Scotton 1993, Poplack, 1980, Rubin & Toribio 1994) memberi perhatian kepada aspek bahasa dalam kalangan pengalihan kod.

## **2.2 Pengalihan kod dari segi perspektif Linguistik**

Fenomena pengalihan kod ini menjadi aspek yang sering dikaji oleh pengkaji dari dalam dan luar negara. Antara pengkaji-pengkaji yang terkenal dalam pengkajian berteraskan linguistik ialah seperti Poplack (1980), Gumperz (1977), Myers-Scotton (1993). Myers-Scotton dan Ury (1977) mengenal pasti bahawa pengalihan kod sebagai “penggunaan dua atau lebih kepelbagaian linguistik dalam perbualan atau situasi yang sama”.

Poplack (1980) mencadangkan dua kekangan yang menentukan interaksi kedua-dua sistem bahasa yang terlibat dalam pengalihan kod. Kekangan yang pertama kekangan persamaan. Ia mentakrifkan kod cenderung untuk ditukar pada tempat di mana struktur permukaan bahasa itu bertindas atas satu sama lain. Berdasarkan pada kekangan ini, urutan kata (word order) sejeurus sebelum dan selepas titik pengalihan kod harus wujud dalam kedua-dua bahasa yang terlibat untuk membolehkan pengalihan kod.

Kekangan kedua yang dikemukakan oleh Poplack (1980) ialah kekangan Morfem Bebas. Kekangan ini menyatakan bahawa pengalihan kod tidak boleh berlaku di antara satu bentuk leksikal dan satu morfem terikat kecuali bentuk leksikal berkenaan telah diintegrasikan secara fonologi ke dalam bahasa Morfem terikat. Pendapat Poplack juga mempunyai persamaan dengan pendapat Bokamba (1988: 24). Beliau menggunakan pendekatan linguistik dalam mengkaji fenomena pengalihan kod untuk menjelaskan bahawa pengalihan kod bermaksud penggunaan pelbagai unit tatabahasa seperti



imbuan, kata, frasa dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam sesuatu ayat. Menurut beliau pertuturan dalam sesuatu ayat membawa kepada penghasilan Pengalihan kod.

Bokamba (1988: 51), memberi cadangan seperti penentuan bahasa premier, memilih dan mengasingkan leksikal yang berpadanan, menggunakan peraturan fonologi dan morfologi, membezakan bahasa primer dan bahasa sekunder, menggunakan sintaksis yang sesuai dan menggunakan transformasi bahasa primer dan bahasa sekunder dalam pembinaan ayat yang mengalih kod.

### **2.3 Pengalihan kod dari Aspek Sociolinguistik**

Perkataan sociolinguistik wujud daripada cantuman perkataan sosio dan linguistik. Bidang sociolinguistik menjadi asas kepada kajian-kajian mengenai pengalihan kod. Menurut Marasigan (1983:7) kajian pengalihan kod dari perspektif sociolinguistik memberi perhatian kepada pilihan bahasa yang berkaitan dengan faktor sosial, domain, faktor demografi dan juga fungsi bahasa.

Menurut Holmes (2001), pembinaan teori pengalihan kod menjadi matlamat utama kajian terhadap pendekatan sociolinguistik. Keadaan akan membantu para penyelidik meramal keadaan pengalihan kod dalam sesuatu ujaran. Menurut beliau pengalihan kod tidak berlaku secara rambang tetapi ia berlaku dalam aturan yang ditentukan. Ramalan ini akan menentukan samada pengalihan kod yang berlaku ini boleh diterima sebagai sesuatu yang gramatis atau sebaliknya.

## 2.4 Kajian Lepas

Carol Myers-Scotton (1993), mendefinisikan pengalihan kod sebagai fenomena perlakuan bahasa yang merangkumi penggunaan dua atau lebih ragam bahasa. Menurutnya pengalihan kod berlaku dalam dua bentuk sama ada dalam ayat (intrasentensial) atau antara ayat (intersentensial). Sekiranya memiliki pilihan perbendaharaan kata yang sesuai maka mereka bertindak untuk mengalih kod. Namun begitu kebanyakan pengkaji sociolinguistik menyangkal pendapat ini.

Kachru (1978 : 28), berpendapat bahawa terdapat empat motivasi sosial yang menyebabkan orang India mengalih kod. Pertama pengalihan kod dilakukan sebagai cara mengetahui laras wacana melalui penggunaan leksim-leksim tertentu. Contoh Laras bahasa pentadbiran, politik dan teknologi mudah dikenalpasti melalui pengalihan kod dari bahasa Hindi ke bahasa Inggeris. Kedua, pengalihan kod dilakukan untuk gaya bahasa. Di India terdapat gaya bahasa yang di sebut kachru “sanskritized,” “Persianized,” “Englishized.” Ketiga-tiga pengalihan kod dilakukan untuk tujuan memberi penjelasan. Akhir sekali, pengalihan kod di lakukan untuk menunjukkan sikap dan pendirian berkecuali dalam sesuatu perkara melalui penggunaan leksem yang neutral. Umpamanya mencampurkan bahasa Inggeris dengan bahasa Tamil dapat menyembunyikan identiti sosial dan tempat asal seseorang (Annamalai, 1978 :242). Kesimpulannya, beliau berpendapat bahawa pengalihan kod adalah fenomena ayat dan percampuran kod adalah fenomena antara ayat.

Marasigan (1983), melakukan kajian terhadap pengalihan kod dalam konteks sociolinguistik di Filipina dengan mendapatkan data menerusi sumber lisan dan bertulis. Sumber lisan diperolehi melalui rakaman perbualan yang dibuat secara rambang ke atas kanak-kanak dan beberapa orang dewasa di kampus Metro, Manila.

Jenis data kedua menerusi penulisan karangan oleh beberapa orang kanak-kanak dan orang dewasa yang dipilih olehnya. Beliau mengkaji faktor sosiobudaya dan faktor individu dalam fenomena pengalihan kod dalam kalangan mereka. Berdasarkan kerangka fungsi pengalihan kod Gumperz (1977) beliau menyenaraikan fungsi pengalihan kod secara lisan dan penulisan yang hampir sama dengan Gumperz tetapi ditambahkan satu lagi fungsi iaitu, “ facility of expression.” Fungsi pengalihan kod ini berlaku dengan mengalih kod ke perkataan atau perbendaharaan kata bahasa asal kerana tidak dapat mencari persamaan perkataan yang sesuai dalam bahasa lain. Beliau juga mendapati bahawa faktor penutur seperti umur, pekerjaan, peranan perhubungan, topik, setting, tujuan dan kesan, sikap, nilai, tindakbalas pendengar dan emosi individu memainkan peranan penting yang membawa kepada pengalihan kod.

Dalam satu kajian yang lain, Marasigan (1983 : 11) cuba menghubungkan tahap pengalihan kod yang berlainan mengikut jantina penutur. Beliau membuat perbandingan pemilihan bahasa yang digunakan oleh lelaki dan wanita yang berkaitan dengan fungsi bahasa yang berlainan berdasarkan kajian Van Ekapada tahun 1975 (Marasigan 1983 :11). Berdasarkan rakaman perbualan tidak formal yang dibuat oleh guru lelaki dan wanita di Manila, beliau mendapati penutur wanita lebih kerap melakukan pengalihan kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Filipina di tahap perkataan berbanding dengan penutur lelaki. Beliau juga mendapati kedua-dua kumpulan penutur suka mengguna ‘Mix-Mix’ ( percampuran bahasa Tagalog-English ) untuk menyampaikan maklumat fakta. Penutur wanita suka menggunakan bahasa Filipina untuk menunjukkan keintelektualan, meluahkan perasaan dan nilai moralnya.

Jacobson (1993), berpendapat bahawa jarang-jarang seseorang atau sesuatu masyarakat menggunakan satu bahasa sahaja dalam dunia terkini. Jika ia wujud sudah semestinya manusia atau masyarakat itu tiada perubahan dan terencil di dunia ini.

## **2.5 Kajian-kajian lepas tempatan**

David (2003), mengatakan bahawa pengalihan kod dalam kalangan masyarakat Tamil berlaku berikutan wujudnya pelbagai bahasa dalam suasana hidup mereka. Menurut David, tidak mungkin sama sekali sesuatu bahasa dikatakan mengalami pengalihan secara keseluruhan dengan sebab-sebab beralih selangkah dari satu bahasa X ke satu bahasa Y pada satu jangkamasa tertentu. Beliau mendapati bahawa pengalihan kod adalah antara fenomena perlakuan bahasa yang berlaku kepada ketiga-tiga generasi kaum Sindhi. Golongan pemuda-pemudi cenderung untuk mencampuradukkan ketiga-tiga bahasa dalam komunikasi mereka iaitu bahasa Tamil, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Cheng (2003 : 59-77) dalam kajiannya membincangkan bagaimana pengalihan kod digunakan untuk sesuatu tujuan oleh kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Dalam kajian beliau menunjukkan bahawa kanak-kanak menggunakan pengalihan kod sebagai strategi komunikasi seperti juga orang dewasa. Kanak-kanak mengalihkan kod untuk tujuan menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih efisien dan berkesan.

Gan (2000), pula berpendapat bahawa faktor sosiobudaya mempengaruhi penutur untuk mengalih kod ke dalam pertuturan mereka. Hal ini diutarakan oleh beliau dalam kajiannya mengenai strategi pengalihan kod dalam kalangan guru-guru berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina.

### **2.5.1 Pengalihan kod**

Suthanthiradevi (2001) pula berpendapat bahawa pelajar-pelajar Tamil di Malaysia cenderung mencampurkan bahasa Tamil ke dalam pertuturan bahasa Melayu. Menurut beliau guru bahasa Melayu perlu mengintegrasikan murid-murid untuk menggunakan bahasa Melayu dengan kaedah memberi ganjaran dalam bentuk pujian atau seumpamanya kepada pelajar yang tidak mengalihkan kod. Strategi ini dapat menggalakan murid-murid berbincang dan bertutur dengan menggunakan Bahasa Melayu yang tepat dan tulen tanpa pengalihan kod. Beliau mendapati bahawa para sarjana kurang bersetuju mana yang harus digunakan dan bila waktunya.

Pendapat Macswan (1998), bertentangan dengan Suthanthiradevi. Menurut Macswan jika guru-guru beranggapan bahawa pengalihan kod adalah satu sifat kurang upaya yang diwarisi oleh pelajar-pelajar yang boleh diperbetulkan melalui arahan yang secukupnya, maka pengajaran dan pembelajaran guru menghadkan persepsi pelajar mengenai kebolehan semulajadi dirinya. Macswan membuat rumusan bahawa sikap guru-guru perlu diubah.

Menurut Kumar (1985), peratusan penggunaan perkataan bahasa Inggeris amat tinggi dalam interaksi subjeknya. Beliau menyelidik wacana sains yang menggunakan bahasa Hindi-Inggeris dalam kalangan pelajar ijazah pertama di India. Beliau berpendapat bahawa pengalihan kod seumpama itu merupakan ciri-ciri biasa yang terdapat dalam wacana saintifik dalam kalangan pelajar India.

Menurut kamus Dewan (2002), perkataan pengalihan kod bermaksud ‘mengalihkan atau menambah sesuatu perkataan supaya bercampur.’ Berdasarkan penjelasan ini perkataan pengalihan boleh di samakan dengan perkataan percampuran. Maka

pengalihan kod boleh juga disebut sebagai pembauran kod. Istilah ini jarang dikaji oleh pengkaji. Namun terdapat perbezaan antara pengalihan kod dan pembauran kod.

The Linguistik Encyclopaedia (1991 :62), menyatakan bahawa pengalihan kod boleh berlaku dimana-mana sahaja dalam sesuatu ujaran seperti antara ayat, klausa, frasa, atau pun perkataan. Hanya bilingual yang mahir sahaja yang mampu mengalihkan kod secara gramatis tanpa menyalahi peraturan-peraturan ini. Mereka biasanya mengalihkan kod di peringkat intraayat. Pengkajian pengalihan kod di peringkat intraayat ini yang lazimnya menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji pengalihan kod yang cenderung kepada aliran linguistik.

## **2.6 Pertembungan Bahasa dan Peminjaman**

Tinjauan definisi tentang pertembungan dan peminjaman bahasa adalah bertujuan untuk menjelaskan sedikit latar belakang kepada perbincangan tentang fenomena pengalihan kod. Faktor sosiobudaya dan fungsi pengalihan kod mempengaruhi penutur dalam pengalihan kod kepada bahasa Tamil. Memang tidak dapat dinafikan bahawa fenomena pengalihan kod atau pertembungan bahasa bukannya asing bagi masyarakat Malaysia yang bilingual atau multilingual.

Thilagavathi (1997), pula berpendapat bahawa dua kumpulan etnik yang mempunyai bahasa ibunda yang berlainan akan mengalami pertembungan bahasa sekiranya mereka menetap di tempat yang sama bagi satu jangka masa yang lama. Menurut beliau penggunaan dua bahasa asing dalam satu jangka masa yang sama akan menyebabkan perkataan-perkataan daripada satu bahasa akan dicampuradukan ke dalam bahasa yang lain. Percampuran kedua-dua bahasa ini adalah untuk mewujudkan satu komunikasi yang lebih lancar dan mesra.

David (2003), menjalankan satu kajian mengenai peranan dan fungsi pengalihan kod dalam konteks makna di mahkamah Malaysia. Menurut beliau adakalanya pertembungan bahasa ini berlaku kerana faktor situasi seperti siapa bercakap dengan siapa. Ia juga wujud atas sebab metafora dan pragmatik seperti memberi arahan, merujuk seseorang dan memberi penekanan. Menurut beliau pilihan bahasa dan wacana yang bercampur di mahkamah Malaysia adalah dicituskan demi mencapai tahap strategi dan matlamat professional.

## **2.7 Asal Usul Pengalihan Kod dan Perkembangannya di Malaysia.**

Pengalihan kod atau code switching merupakan amalan pertembungan atau percampuran bahasa-bahasa sewaktu berkomunikasi. Fenomena pengalihan kod ini telah menarik minat pengkaji pelbagai bidang bahasa seperti bidang sociolinguistik, psikologi, psikolinguistik, pendidikan dwibahasa dan juga guru-guru bahasa.

Sikap pihak penjajah Inggeris yang mendorong masyarakat Malaysia menguasai bahasa asing khususnya bahasa Inggeris mendorong penutur-penutur bertutur bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa terpaksa menguasai bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa antarabangsa, bahasa ekonomi, sains dan teknologi. Penguasaan pelbagai bahasa ini amat diperlukan untuk komunikasi yang lebih mesra.

Berdasarkan pernyataan di atas rakyat Malaysia mencuba sedaya upaya untuk menguasai bahasa-bahasa asing di negara ini khususnya bahasa Inggeris. Justeru itu penutur mula meminjamkan atau mencampurkan satu atau dua patah perkataan asing

dalam perbualan harian mereka. Amalan percampuran bahasa asing ini menyebabkan bermulanya titik tolak bagi fenomena pengalihan kod.

### **2.7.1 Pengalihan kod dalam Interaksi**

Menurut Paramasivam, M.(2005), Pengalihan Kod telah lama wujud dan digunakan secara berleluasa dalam kalangan masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat India khususnya. Penutur Tamil Malaysia yang bermultilingual cenderung mencampurkan perkataan, rangkai kata dari bahasa-bahasa lain yang terdapat di Malaysia sewaktu berkomunikasi. Beliau berpendapat bahawa amalan ini lebih kerap berlaku dalam situasi tidak formal seperti sewaktu berbual dengan rakan-rakan, sewaktu berbual dengan ahli keluarga dan juga sewaktu berbual di tempat-tempat awam.

Namun begitu, fenomena pengalihan kod ini adakalanya berlaku dalam situasi formal seperti dalam bidang media dan juga sewaktu bermesyuarat dengan ketua jabatan. Kini fenomena pengalihan kod ini telah menular masuk ke dalam situasi formal seperti dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Marimuthu 2010).

### **2.7.2 Pengalihan kod dalam Pendidikan**

Noor Azlina (1975), dalam Ong (1990), yang mengkaji pengalihan kod dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu yang belajar di universiti luar negara mendapati bahawa sifat yang memperlihatkan identiti kaum jelas dikesan apabila penutur bertanya khabar dan meluahkan perasaan peribadi. Beliau mengkaji pengalihan kod dalam aspek sosial dan mengkaji faktor yang mendorong kepada penggunaan pelbagai bahasa. Selain itu, beliau mengesan bahawa faktor utama yang membawa kepada pengalihan kod dalam kalangan pelajar Melayu ialah tahap hubungan persahabatan dan keakraban antara penutur. Beliau mengesan bahawa pelajar yang kurang menguasai



bahasa Inggeris lebih cenderung mengalihkan kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu semata-mata untuk tujuan kemesraan dan kelancaran.

### **2.7.3 Pengalihan Kod dalam Media**

Fenomena Pengalihan kod kini berleluasa di bidang media. Media yang dimaksudkan adalah media cetak seperti surat khabar, majalah, risalah dan buku-buku. Manakala media elektronik pula adalah seperti TV, Radio, SMS, Komputer dan internet. Media masa kini lebih bersifat komersial dan hanya mementingkan kandungan sesuatu pernyataan supaya pendengar faham maksudnya tanpa mementingkan aspek tatabahasa.

## **2.8 Ciri-ciri Pengalihan Kod di Malaysia**

Pengkaji tempatan Awang Sariyan (2004), juga membincangkan ciri-ciri pengalihan kod. Menurut beliau ciri-ciri pengalihan kod yang utama adalah seseorang penutur berkebolehan menggunakan pelbagai bahasa. Beliau mendapati bahawa bahasa Melayu standard sentiasa dicampuri oleh bahasa-bahasa lain khususnya bahasa Inggeris. Ini dianggap sebagai salah satu punca kemerosotan bahasa. Percampuran ragam bahasa basahan (seperti bahasa rojak, bahasa SMS dan bahasa sembang di Internet) dengan bahasa baku dalam situasi rasmi menjadikan bahasa Melayu kehilangan darjat dan citra sebagai bahasa yang melambangkan budaya tinggi (Awang Sariyan, 2006).

Percampuran bahasa Inggeris dengan bahasa Malaysia merupakan fenomena yang umum di Malaysia. Fenomena ini banyak wujud di pejabat, tempat awam dan institusi Malaysia. Penjual dan pekedai di tempat membeli-belah (pasar raya) berasa lebih selesa dengan cara mengalihkan kod semasa bertutur dengan pelanggan. Biasanya,

kata-kata bahasa Inggeris akan wujud dengan semulajadi dalam minda seseorang penduduk Malaysia apabila mereka menggunakan bahasa lain seperti bahasa Malaysia

Menurut beliau bahasa rojak merupakan satu bentuk keracunan bahasa dalam bidang linguistik atau ilmu bahasa, sebenarnya tidak pernah ada istilah bahasa rojak. Istilah ini ditimbulkan oleh sejumlah orang yang melihat fenomena bahasa yang bercampur-baur antara bahasa Malaysia dengan bahasa asing (khususnya bahasa Inggeris) ini sebagai bahasa rojak. Dalam konteks masyarakat Malaysia, masyarakat Cina Baba cenderung menggunakan satu bahasa ragam bahasa Malaysia yang memperlihatkan percampuran unsur bahasa Malaysia dengan dialek Cina.

Menurut Canagarajah (2001), dalam kelas bahasa Inggeris yang dikajinya, interaksi dijalankan dalam bahasa Inggeris sebagai akuan bahawa bahasa yang berkenaan adalah kod rasmi dalam bilik darjah. Manakala bahasa Tamil adalah bahasa yang ditutur dan hanya digunakan dalam interaksi luar untuk memastikan penggunaan bahasa Tamil tidak mendatangkan konflik kepada status bahasa Inggeris sebagai bahasa yang dominan. Guru hanya mengalih kod ke bahasa Tamil untuk memberi arahan atau peningkatan kepada para pelajar yang gugup. Ringkasnya, bahasa Tamil digunakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan domain afektif, sepertimana bahasa Malaysia digunakan dalam kajian Fatimah (2001). Jika adapun pengalihan kod ke bahasa Tamil hanya bertujuan mengurangkan jurang antara pengetahuan yang diperolehi di sekolah dan pengetahuan yang diperolehi di rumah.

Canagarajah mendapati bahawa pelajar mengalih kod ke bahasa Tamil secara rahsia, iaitu secara berselindung. Pengalihan kod ini membantu mereka untuk saling

memahami apa yang diajarkan oleh guru. Beliau berpendapat bahawa amalan pengalihan kod di dalam kelas-kelas yang di kajinya mengandungi secara halus dan terdapat agenda mereka yang mengawal polisi dalam kedua-dua domain politik dan pendidikan.

Pengkaji tempatan Teo (2001), membincangkan ciri-ciri pengalihan kod. Menurut beliau ciri-ciri pengalihan kod yang utama ialah pengetahuan, penguasaan dan penggunaan dua atau lebih bahasa yang sudah menjadi kelaziman seseorang atau sesebuah masyarakat mengakibatkan pengalihan kod. Hal ini membolehkan seseorang penutur mencampurkan banyak perkataan dan frasa sewaktu pertuturan. Tambahan pula penutur dapat berbual dengan spontan dan lancar.

Daripada pendapat-pendapat Awang Sariyan (2004), Canagarajah (2001) dan Teo (2001) dapat diandaikan bahawa ciri-ciri asas pengalihan kod ialah kelicinan perbualan, kebolehan dwibahasa, ciri keuniversalan bahasa serta unsur wahana dan unsur sematan.

## **2.9 Fungsi-fungsi dan Strategi Pengalihan Kod.**

Penutur-penutur bilingual atau multilingual menggunakan bahasa pertuturan untuk beberapa fungsi tertentu. Lantaran itu dalam fenomena pengalihan kod, pengkaji tempatan mahupun pengkaji dari luar negara melakukan beberapa kajian mengenai fungsi atau strategi pengalihan kod.

Menurut Zaiton (2004) yang mengkaji pengalihan kod dalam kalangan pensyarah institusi pengajian tinggi tempatan mengklasifikasikan fungsi-fungsi pengalihan kod kepada dua golongan iaitu fungsi sosial pengalihan kod dan fungsi akademik

pengalihan kod. Terdapat enam fungsi sosial pengalihan kod yang dipaparkan oleh kajian beliau. Fungsi sosial pengalihan kod dalam bilik darjah yang paling kerap dan menyeluruh ialah memberi arahan atau peningkatan. Terdapat empat lagi fungsi yang tidak dapat dikesan dalam kajiannya.

Gumperz (1977 : 14-18), menyenaraikan enam fungsi dalam pengalihan kod. Fungsi-fungsi tersebut ialah seperti petikan, pesapa, kata seruan, pengulangan, kecekapan mesej dan keperibadian lawan keobjektifan. Pendapat Gumperz ini dipersetujui oleh pengkaji linguistik Pacasio (1978).

Jariah (2003 :41-56) menulis artikel mengenai pengalihan kod yang disebabkan oleh kuasa yang diperolehinya. Dalam kajiannya beliau memetik perbualan orang dewasa yang berbual dalam mesyuarat rasmi. Beliau mendapati bahawa orang yang mempunyai kuasa menggambarkan kemahiran mengalih kod dalam memanipulasikan isu. Menurut beliau lagi, pengalihan kod dalam konteks formal adalah sesuatu alat kuasa (power instrument) wacana perbualan bagi orang atasan dalam sesuatu pentadbiran. Menurut beliau sebab utama penutur dwibahasa dan pelbagai bahasa mengalih kod adalah kerana berasa lebih selesa. Pengalihan kod dipengaruhi oleh penukaran fungsi komunikasi, penukaran topik, penukaran situasi, faktor sosiobudaya penutur dan sebagainya.

## **2.10 Faktor-faktor yang mempengaruhi Pengalihan Kod**

Ramai pengkaji-pengkaji linguistik dan sosiolinguistik membuat kajian tentang faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengalihan kod. Dapatan kajian mereka merangkumi aspek-aspek di bawah sebagai faktor-faktor pengalihan kod :-

- i. Faktor yang mempengaruhi dialek.
- ii. Faktor yang mempengaruhi situasi.
- iii. Faktor yang mempengaruhi dimensi social.
- iv. Faktor yang mempengaruhi keperluan dan kesesuaian.
- v. Faktor yang mempengaruhi identiti kawasan.

### **2.10.1 Faktor yang mempengaruhi dialek**

Zuraidah (2003 : 21- 38), mendapati bahawa pengaruh dialek juga menjadi faktor pengalihan kod. Kajian beliau menunjukkan bahawa pengalihan kod dilakukan atas sebab menonjolkan identiti kawasan dan keanggotaan sesuatu kumpulan. Beliau mendapati penutur Kelantan mengalih kod kerana berasa selesa menggunakan dialek mereka apabila berbual dengan orang senegerinya. Manakala penutur yang tidak faham dialek Kelantan juga menuturkan satu frasa dalam dialek Kelantan sebagai sindiran untuk menunjukkan rasa ketidakselesaian dan dirinya berasa terasing. Beliau juga mendapati bahawa pengalihan kod dari bahasa Melayu standard ke dialek Kelantan adalah lazim antara orang yang berasal dari Kelantan kerana semangat kenegerian mereka. Pengalihan kod dari dialek Kelantan ke bahasa Melayu standard pula berlaku apabila perbualan mereka melibatkan orang luar.

### **2.10.2 Faktor yang mempengaruhi situasi**

David (2003), menjalankan satu kajian terhadap kaum minoriti Sindhi Malaysia. Beliau menjalankan satu kajian mengenai peranan dan situasi pengalihan kod dalam konteks makna di mahkamah. Menurut beliau dalam kajiannya, didapati sepuluh sebab mengapa pengalihan kod berlaku dalam perbicaraan di mahkamah. Beliau merumuskan faktor-faktor di bawah sebagai hasil pengalihan kod di mahkamah Malaysia.

- i . Kebiasaan atau tabiat menggunakan pengalihan kod.
- ii. Pemilihan bahasa mengikut penutur berlainan.
- iii. Untuk istilah teknikal
- vi. Untuk menyatakan perkara asing bagi sesuatu budaya.
- V. Kerana kecekapan yang terhad dalam sesebuah bahasa.
- vi. Sebagai strategi komunikasi.
- vii Pilihan bahasa yang non- reciprocal.
- viii. Pemindahan bahasa.
- viii. Kewibawaan kuasa.

Menurut beliau pengalihan kod wujud kerana faktor situasi seperti siapa bercakap dengan siapa. Ia juga wujud atas sebab metafora dan pragmatik seperti memberi arahan, mengajuk seseorang dan memberi penekanan. Di mahkamah pengalihan kod digunakan sebagai strategi komunikasi yang mendesak saksi memberi jawapan. Oleh yang demikian, David menyimpulkan bahawa pilihan bahasa dan wacana yang bercampur di mahkamah Malaysia adalah dicituskan demi mencapai tahap strategi dan matlamat professional.

Maniyarasan (2007), dalam kajiannya ‘ kata pinjaman bahasa Malaysia dalam bahasa Tamil di Malaysia,’ menerangkan beberapa faktor yang mendorong berlakunya pengalihan kod atau peminjaman kod dalam kalangan orang India di Malaysia. Beliau mendapati antara faktor yang mendorong peminjaman perkataan bahasa Malaysia ke dalam bahasa Tamil di Malaysia ialah peranan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Menurutnya, masyarakat India di negara ini terpaksa menggunakan bahasa Malaysia pada setiap masa dan di setiap tempat. Masyarakat India di negara ini terpaksa berhubung dengan menggunakan bahasa Malaysia di tempat-tempat awam seperti di bank, pasar, pejabat kerajaan dan sebagainya.

Hasil kajian beliau juga menunjukkan bahawa peminjaman bahasa Malaysia ke dalam bahasa Tamil juga berlaku disebabkan oleh perkembangan media massa yang begitu pesat di negara ini. Peranan media massa ini mempengaruhi minda masyarakat Tamil terutamanya golongan pemuda dan pemudi. Beliau juga menerangkan bahawa satu lagi faktor penting yang mendorong berlakunya peminjaman bahasa Malaysia ke dalam bahasa Tamil ialah sikap kurang prihatin orang India terhadap bahasa Tamil.

### **2.10.3 Faktor yang mempengaruhi Dimensi sosial**

Gan (2000:7) membuat satu kajian kes mengenai strategi pengalihan kod dalam kalangan guru-guru Cina yang berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina. Beliau dalam kajiannya membincangkan bagaimana faktor sosiobudaya dan fungsi pengalihan kod mempengaruhi penutur dalam menggunakan pengalihan kod sebagai satu strategi komunikasi yang berkesan. Menurut beliau aspek-aspek sosial seperti umur, status, taraf pendidikan, jantina, persekitaran dan penutur dwibahasa mempengaruhi perlakuan pengalihan kod.

Menurut Zaiton (2004: 93-110), pengalihan kod dalam kalangan pensyarah institusi pengajian tinggi tempatan mengklasifikasikan fungsi-fungsi pengalihan kod kepada dua golongan iaitu fungsi sosial dan fungsi akademik. Terdapat enam fungsi sosial pengalihan kod yang dipaparkan oleh kajian beliau iaitu :-

- i. Memberi arahan atau peringatan.
- ii. Mendapatkan atau menggalakan respons dari pelajar.
- iii. Menunjukkan semangat setia kawan.
- iv. Menegur pelajar dengan berkesan atau mengesahkan budaya natif yang dikongsi sama.
- v. Menegaskan autoriti guru dan memberi pujian.
- vi. Galakkan atau sebaliknya.

Menurut beliau fungsi sosial pengalihan kod dalam bilik darjah yang paling kerap dan menyeluruh ialah memberi arahan atau peningkatan. Tambah beliau sistem pendidikan negara dan faktor budaya turut mempengaruhi perlakuan pengalihan kod.

#### **2.10.4 Faktor yang mempengaruhi keperluan dan kesesuaian**

Menurut Jariah Mohd. Jan (2003), seseorang penutur mengalihkan kod mengikut kesesuaian dan keperluan masing-masing. Beliau menjalankan kajian terhadap orang dewasa yang berbual dalam mesyuarat rasmi. Beliau mendapati bahawa orang yang mempunyai kuasa menggambarkan kemahiran mengalih kod dengan sebab menunjukkan status sosial dan memberi penekanan pada arahnya. Beliau berpendapat bahawa pengalihan kod dalam konteks formal adalah suatu alat kuasa (power instrument ) wacana perbualan bagi orang atasan dalam suatu pentadbiran.



### **2.10.5 Faktor yang mempengaruhi identiti kawasan**

Menurut Pairat Warie, 1979 (dalam Kang : 18-19), pengalihan kod juga dilakukan atas sebab menunjukkan identiti kawasan sesuatu kumpulan. Beliau menyatakan bahawa dalam proses perkembangan bahasa Thai, banyak kata pinjaman adalah dipinjam dari bahasa Sanskrit, bahasa Cina dan bahasa Khmer yang kemudiannya digabungkan dengan bahasa Thai. Beliau menunjukkan bahawa bentuk percampuran interlinguistik dan intralinguistik wujud secara rapat di antara satu sama lain. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa terdapatnya unsur-unsur bahasa Inggeris dalam bahasa Thai.

Berdasarkan kepada pandangan pengkaji dapat disimpulkan bahawa percampuran bahasa Inggeris dengan bahasa Thai kerap berlaku dalam kalangan orang Thai sekiranya dibandingkan dengan pengalihan kod daripada bahasa Thai ke bahasa Inggeris. Beliau mendapati bahawa penutur Thai mengalih kod kerana berasa selesa menggunakan bahasa Thai apabila berbual dengan orang setempatnya. Ini ditambah dengan desakan beberapa sebab sosial yang mendorong kepada fenomena pengalihan kod.

### **2.11 Rumusan Tinjauan Literature**

Pengkaji membuat tinjauan literature dan merumuskan definisi yang dikemukakan oleh para pengkaji mengenai pengalihan kod. Teori-teori yang dikemukakan oleh para pengkaji menjelaskan bahawa pengalihan kod berlaku dalam situasi di mana lebih daripada satu bahasa dituturkan. Pada keseluruhannya teori-teori ini menerangkan bahawa pengalihan kod berlaku dalam situasi bilingual ataupun multilingual (Poplack, 1980; Gumperz, 1982; Davies & Bentahila 1983; Asmah Hj Omar, 1985; Duran 1994).

Para pengkaji juga merumuskan definisi teori, konsep dan penjelasan dari dimensi sociolinguistik mengenai pengalihan kod. Menurut para pengkaji pengalihan kod didefinisikan sebagai penyelitan dua sistem atau sub-sistem kenahuan yang berlainan dalam sesuatu ujaran yang sama (Myers-Scotton & William Ury, 1977; Poplack, 1980; Gumperz, 1982; Jacobson, 2001).

Selain itu, para pengkaji juga telah mengemukakan teori mengenai sikap pengguna terhadap sesuatu bahasa, faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengalihan kod (Rubin, 1962, 1969b; Blom dan Gumperz 1972; Barrios, et.al, 1977; Poplack, 1988).

## **2.12 Kesimpulan**

Bab ini menerangkan tentang fenomena pengalihan kod dari perspektif linguistik dan sociolinguistik. Juga telah membincangkan tentang pendapat pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negeri yang telah menjalankan kajian terhadap fenomena pengalihan kod, perlakuan pengalihan kod, faktor-faktor berlakunya pengalihan kod, ciri-ciri pengalihan kod dan fungsi-fungsi pengalihan kod.

Sebagai kesimpulannya, kebanyakan pengkaji tempatan dan luar negara merumuskan bahawa pengalihan kod yang berlaku dalam masyarakat dwibahasa ataupun multilingual adalah atas beberapa sebab tertentu. Umumnya, fenomena pengalihan kod adalah salah satu bentuk komunikasi pertuturan bagi memenuhi keperluan komunikasi yang lebih mesra dan lancar dalam kalangan masyarakat yang berbilang bahasa dan bangsa. Tinjauan perpustakaan ini dapat memberi gambaran yang jelas dan luas kepada pengkaji mengenai bidang pengalihan kod. Berpandukan pendapat ini,

pengkaji ingin menerokai secara lebih mendalam mengenai pengalihan kod yang berlaku dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil yang belajar di Universiti Malaya.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab ini juga membincangkan kaedah kajian iaitu penerangan mengenai latarbelakang sampel, pengumpulan data, peralatan yang digunakan, cara mentranskripsikan data dan kaedah menganalisis data.

Selain menggunakan rakaman perbualan, temubual juga di adakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang amalan pengalihan kod yang terdapat dalam perbualan mahasiswa-mahasiswi. Tambahan pula, borang maklumat juga digunakan untuk mendapatkan gambaran tentang keupayaan linguistik dan perhubungan sosial (*Social Contact*). kaedah ini akan membantu pengkaji dalam mengumpulkan data-data yang sebenar dan yang boleh dipercayai.

Kajian kualitatif mengenai fenomena pengalihan kod ini pada asasnya berbentuk analisis wacana lisan (Nunan 1992 : 161) yang melibatkan beberapa episod perbualan antara subjek kajian dengan perbualan. Perbualan yang berlaku secara spontan serta suasana semulajadi dirakam dengan menggunakan pita rakaman sebelum transkripsi, dianalisis dan ditafsir.

#### **3.1 Kerangka Teoritikal**

Terdapat beberapa pengkaji yang mengemukakan pelbagai pendapat mengenai fenomena pengalihan kod. Para pengkaji mengkaji fenomena ini daripada pelbagai

perspektif teori, kerangka konsep dan model untuk menerangkan tentang pengalihan kod (Bentahila et al. 1983; Kachru 1978; Myers-Scotton 1993; Nishimura 1997; Pfaff 1975). Menurut para pengkaji pengalihan kod disebabkan oleh beberapa kekangan yang dipengaruhi oleh bahasa yang terlibat dalam situasi perbualan. Menurut Holmes (2001), matlamat utama kajian mengenai pengalihan kod yang menggunakan pendekatan linguistik ini adalah untuk membina teori mengenai pengalihan kod yang menggunakan pendekatan linguistik. Ini adalah untuk membina teori mengenai pengalihan kod dan mencari kekangan linguistik yang universal. Menurut beliau pengalihan kod dipengaruhi oleh beberapa kekangan seperti bahasa-bahasa yang terlibat dalam sesuatu perbualan.

Menurut Poplack (1980), pengalihan kod berlaku pada sesuatu titik perbualan bahasa pertama (L1) dan bahasa kedua (L2) tidak melanggar peraturan sintaksis bahasa yang terlibat.

*“Code – switches will tend to occur at points in discourse where juxtaposition of L1 and L2 elements does not violate a syntactic rule of either language, at points around which the surface structures of the two languages map onto each other. According to this simple constraint, a switch is inhibited from occurring within a constituents generated by a rule from one language which is not shared by the other.”*

(Poplack, 1980)

Menurut Poplack semasa berlaku pengalihan kod, ayat dan klausa kerap bercampur berbanding dengan unsur yang lebih kecil seperti kata nama, kata penentu, kata kerja, kata keterangan dan kata adjektif (Poplack, 1980). Kekangan morfem bebas menjadi penghalang pengalihan kod di antara morfem terikat dan bentuk leksikal.

Justeru itu, pendapat dan dapatan para pengkaji dapatlah disimpulkan sebagai satu teori bahawa pengalihan kod pasti berlaku dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa seperti di Malaysia. Namun kekerapan berlakunya pengalihan kod ini turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti sikap penutur itu sendiri. Oleh itu, kerangka ini akan menjadi landasan bagi menjalankan tujuan kajian ini.

### **3.2 Prosedur kajian**

Sebelum memulakan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan kelulusan untuk bidang dan tajuk kajian yang di pilih daripada pihak Fakulti Bahasa dan Linguistik. Surat kebenaran membuat kajian juga telah ditujukan kepada mahasiswa-mahasiswi sebelum membuat rakaman. Setelah mendapatkan kebenaran dari responden Universiti Malaya, pengkaji membuat jadual untuk temujanji seterusnya. Jadual temujanji telah diberikan kepada responden supaya mudah untuk menjalankan kajian mengikut kesesuaian masa bertugas pengkaji. Pengkaji memaklumkan dan mendapatkan kebenaran responden yang terlibat seminggu sebelum membuat rakaman audio dan pemerhatian.

Responden yang terlibat dimaklumkan bahawa ujaran-ujaran perbualan mereka akan dirakam dan diperhatikan. Mereka tidak diberitahu mengenai aspek atau objektif kajian. Ini adalah untuk mendapatkan data-data yang tulen sewaktu perbualan. Namun aspek yang dikaji dan objektif kajian telah diberitahu kepada responden setelah mengumpulkan data-data yang diperlukan.

### **3.3 Kaedah Penyelidikan**

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah berbentuk kajian lapangan di mana analisis data dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Kajian lapangan yang melibatkan temubual yang direkodkan menerusi pemerhatian dan rakaman. Temubual dengan responden adalah secara informal yang melibatkan topik-topik berkaitan dengan kehidupan seharian mereka, samada yang telah berlaku mahupun semasa berlaku.

Pengkaji juga menemubual beberapa sampel dari mahasiswa dan mahasiswi untuk mendapatkan beberapa maklumat lanjut dan tambahan mengenai soal-selidik. Mahasiswa-mahasiswi yang ditemubual memberi kerjasama yang baik dalam pengumpulan data.

Dalam usaha mengumpul data-data linguistik, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Untuk mendapatkan gambaran awal tentang fenomena bahasa yang akan dikaji, pengkaji membuat kajian perpustakaan terhadap pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara. Ini kerana data-data daripada kajian lepas terutama dalam aspek sosial dan penggunaan bahasa dalam masyarakat keturunan Tamil Malaysia yang dikaji haruslah diperolehi lebih awal. Data-data tentang perlakuan bahasa ini akan memberikan gambaran awal tentang mahasiswa-mahasiswi yang dikaji. Di samping itu juga pengkaji telah meneliti fenomena pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi.

Justeru kerana tujuan utama pengkajian ini adalah untuk melihat sejauh mana proses pertuturan dwibahasa diamalkan, maka pengkaji akan menggunakan kajian lapangan merangkumi rakaman, temubual dan soal-selidik. Memandangkan bahawa penyelidikan ini merupakan satu kajian sosiolinguistik yang memerlukan metodologi sosiologi dan linguistik yang bersistematik. Pengkaji cuba menerapkan penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk melihat secara sistematik penggunaan pelbagai bahasa dalam perlakuan pengalihan kod.

Sebelum kajian lapangan dijalankan, pengkaji terlebih dahulu mengadakan tinjauan awal di tempat kajian. Tinjauan awal ini bermatlamat untuk mencari beberapa *key informant*, melihat pola penempatan, aktiviti ekonomi dan aktiviti sosial mahasiswa-mahasiswi yang dikaji. Tinjauan awal ini amat penting kerana pengkaji dapat memperkenalkan diri dan matlamat kajian yang bakal dijalankan. Tanpa kerjasama dan bantuan daripada responden kajian lapangan ini sudah tentu akan menghadapi beberapa masalah dan kesulitan. Oleh itu langkah bijak harus diatur oleh pengkaji supaya timbul rasa kepercayaan daripada mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaya.

Kajian lapangan yang terlibat termasuk mengutip data-data linguistik melalui kaedah temubual dan soal-selidik. Temubual dengan responden berdasarkan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka dan bersesuaian dengan konteks dunia mahasiswa-mahasiswi itu sendiri. Temubual ini akan dirakam tanpa disedari oleh responden kajian. Tujuannya adalah supaya pengkaji dapat memperoleh satu perbualan yang asli dan asal dari segi data linguistik. Mungkin cara ini kurang sesuai dari segi etika tetapi inilah cara yang baik dan biasa digunakan



oleh pengkaji-pengkaji sociolinguistik semasa mengumpulkan data-data linguistik yang dikehendaki dalam sesuatu penyelidikan. Hal ini selari dengan pendapat *Labov (1972)* iaitu sekiranya penutur menyedari bahawa mereka sedang diperhatikan dan perbualan mereka sedang dirakam, ini pasti akan menggalakan *self monitoring* yang mungkin akan menjejaskan atau merosakkan hasil kajian.

Kaedah seterusnya ialah soal-selidik. Dalam kaedah ini pengkaji menyediakan beberapa soalan-soalan mengikut keperluan sebelum melakukan kajian lapangan. Soalan-soalan yang dibentuk terdiri daripada soalan- soalan terbuka dan tertutup yang meliputi umur, pemilihan bahasa semasa berkomunikasi dan sebagainya. Dua bentuk soal-selidik dijalankan. Pertama untuk mendapatkan profil sociolinguistik. Kedua untuk mengetahui bentuk kepenggunaan nahu bahasa dalam aspek yang dikaji. Pengkaji mempunyai kewajipan sendiri tentang struktur soal-selidik yang dibina.

Bagi data-data yang diperolehi melalui pemerhatian pertuturan atau perbualan mahasiswa-mahasiswi yang tidak dirakamkan, maka data linguistik jenis ini dicatat oleh pengkaji dalam buku catatan kecil. Jadi hanya data-data linguistik yang relevan dan sesuai dalam kajian sahaja akan dicatat. Oleh itu kepelbagaian topik perbualan yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan akan diperhati dan dicatatkan dalam sebuah buku catatan.

Di samping itu, responden yang dipilih merupakan mereka yang boleh berkerjasama dengan pengkaji. Faktor utama Universiti ini dipilih adalah kerana di sini terdapat mahasiswa-mahasiswi yang boleh bertutur bahasa Tamil berbanding dengan universiti tempatan yang lain. Selain daripada itu hanya di Universiti Malaya sahaja ada Jabatan Pengajian India. Di Jabatan Pengajian India juga terdapat sebuah perpustakaan yang

mengandungi buku-buku bahasa Tamil. Keadaan ini dapat memudahkan proses kajian dilakukan dengan lancar.

### **3.4 Data dan Pemilihan sampel Kajian**

Demi kelancaran dan kejayaan kajian ini, pengkaji mempunyai strategi persampelan dalam mengumpul data-data yang diperlukan melalui mahasiswa-mahasiswi yang dipilih secara rawak. Persampelan ialah proses penyelidikan yang dilakukan ke atas populasi yang dikaji. Justeru itu bagi menjayakan kajian ini, sebanyak tiga puluh enam perbualan mahasiswa-mahasiswi dijadikan sebagai sampel. (untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang jumlah peserta dalam perbualan, sila rujuk lampiran I).

Dalam kajian ini, tumpuan untuk mengumpul maklumat sampel adalah dari Universiti Malaya. Ini adalah kerana di Universiti Malaya sahaja terdapat Fakulti Pengajian India dan juga Universiti ini mempunyai mahasiswa-mahasiswi berbahasa Tamil yang ramai berbanding dengan universiti tempatan lain. Pengkaji mengutip 36 sampel perbualan untuk dinalisis dalam kajian ini. Jenis sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah secara rawak. Ini bertujuan agar setiap sampel mempunyai kemungkinan yang sama untuk dipilih.

**Jadual 3.1: Persampelan Kajian**

UMUR	JURUSAN PENGAJIAN						JUMLAH BESAR
	PENGAJIAN B.T		PENGAJIAN B.M		PENGAJIAN B.I		
	L	P	L	P	L	P	
23 THN	2	2	2	2	2	2	12
26 THN	2	2	2	2	2	2	12
28 THN	2	2	2	2	2	2	12
JUMLAH	6	6	6	6	6	6	36

B.T = Bahasa Tamil

B.M = Bahasa Melayu

B.I = Bahasa Inggeris

Responden-responden ini ialah dari lingkungan umur dua puluh hingga dua puluh lapan tahun. Mahasiswa-mahasiswi yang dipilih ini adalah daripada pelbagai jurusan dan kebolehan pelbagai bahasa (*Multi Lingual*). Kesemua mereka fasih menggunakan bahasa Tamil, bahasa Malaysia, bahasa Inggeris secara lisan dan bertulis. Ada mahasiswa-mahasiswi yang mengambil bahasa Tamil sebagai jurusan utama atau pun sebagai matapelajaran pilihan di peringkat Universiti. Akan tetapi pada amnya kesemua mahasiswa-mahasiswi yang terlibat dalam kajian ini mempunyai kelulusan kepujian dalam bahasa Tamil sekurang-kurangnya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dengan kata lain, pengkaji hanya memilih mahasiswa-mahasiswi yang boleh bertutur bahasa Tamil sebagai sampel kajian ini.

### **3.5 Kajian Rintis**

Pengkaji menggunakan borang soal-selidik untuk mendapatkan maklumat latar belakang mahasiswa-mahasiswi seminggu sebelum borang soal-selidik yang sebenar diberikan, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap borang soal-selidik. Kajian rintis ini dijalankan bagi menguji tahap kesukaran soalan-soalan dalam borang soal - selidik yang dibina serta memastikan soalan-soalan tersebut adalah realistik dan praktikal serta bersesuaian dan memenuhi keperluan kajian ini. Soalan-soalan yang dibentuk terdiri daripada soalan-soalan terbuka dan tertutup yang meliputi umur, jantina, pemilihan bahasa semasa berkomunikasi dan sebagainya. Pertama untuk mendapatkan profil sosiolinguistik dan kedua untuk mengetahui bentuk kepengunaan bahasa yang dikaji. Pengkaji juga mempunyai kewajaran sendiri tentang struktur soal selidik yang dibentuk. Struktur soalan ini harus memudahkan para informan (*Trudgill, 1974:53*). Berpandukan kepada pendapat para penyelidik soalan yang mudah di bina. (rujuk pada lampiran II).

### **3.6 Instrumen kajian**

Data Linguistik dalam kajian ini diperolehi melalui tiga cara utama iaitu secara temubual, soal-selidik dan rakaman audio. Dalam usaha mengumpul data kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa instrumen untuk mendapatkan data penyelidikan. Perbualan itu telah dirakamkan oleh pengkaji dengan menggunakan pita rakaman yang kecil. Rakaman itu dijalankan tanpa disedari oleh para sample kajian. Ini kerana pengkaji ingin memperolehi perbualan yang bersifat natural dan tulen supaya para mahasiswa-mahasiswi akan menggunakan bahasa yang lazim digunakan oleh mereka dalam kehidupan seharian.

### 3.6.1 Soal-Selidik

Soal selidik kajian ini mengandungi soalan-soalan tertutup dan soalan-soalan terbuka. Demi mencapai objektif kajian ini, soal-selidik diberi kepada 36 orang sampel yang mempunyai umur, taraf pendidikan, latar belakang yang berbeza. 10 orang sampel soal-selidik dipilih dari mahasiswa-mahasiswi yang menuntut di Jabatan Pengajian India. 10 orang mahasiswa-mahasiswi dipilih dari Fakulti Bahasa dan Linguistik. 10 orang dipilih dari Fakulti Perakaunan dan Perniagaan. 6 orang lagi dipilih dari Fakulti Pendidikan. Umur sampel soal selidik adalah antara 23 hingga 40 tahun.

Kesemua 36 orang sampel ini merupakan penutur bahasa Tamil Malaysia. Dari segi taraf pendidikan pula, kesemua sampel ini sedang menuntut di Universiti Malaya. Soalan yang dibentuk terdiri daripada soalan terbuka dan tertutup. Format soal-selidik telah diambil dan diubah suai daripada soal-selidik *Gan (2000)*. Setelah selesai membuat rakaman audio, borang soal-selidik diedarkan. Borang soal-selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat latarbelakang pendidikan, kecekapan bahasa dan penggunaan bahasa mereka dalam pelbagai situasi serta untuk mengetahui tujuan sampel mengalih kod.

Borang soal-selidik yang digunakan terdiri daripada beberapa aspek yang utama iaitu maklumat peribadi, penggunaan bahasa secara selang-seli. Dalam bahagian maklumat peribadi, lima soalan dikemukakan untuk mengetahui latarbelakang kebolehan bahasa sampel. Iaitu aspek-aspek seperti jantina, umur, bahasa ibunda, tahap pendidikan tertinggi, jurusan di Universiti, kelulusan bahasa Tamil serta tahap penguasaan bahasa iaitu bahasa Tamil, bahasa Malaysia, bahasa Inggeris disoal dalam bahagian ini.

Bahagian kedua ialah soalan tentang kecekapan pelbagai bahasa yang digunakan oleh sampel dalam pelbagai situasi. Soalan ini adalah mengenai kekerapan bahasa yang digunakan oleh sampel semasa berinteraksi dengan ahli keluarga dan orang luar. Soalan aspek ketiga ialah penggunaan bahasa secara berselang-seli (pengalihan-kod) . (Bagi soalan soal-selidik, sila rujuk Lampiran 1). Soalan-soalan ini direka oleh pengkaji sendiri. Soalan-soalan ini direka dalam bahasa *Malaysia*. Pengkaji sendiri telah memproses dan mengumpulkan soal-selidik ini pada masa yang telah ditentukan.

### **3.6.2 Pemerhatian**

Pengkaji mendapati bahawa pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi universiti semakin bertambah. Pengalihan kod menjadi salah satu fenomena utama bagi penutur Tamil Malaysia. Selepas menjalankan pemerhatian selama lima bulan tanpa melibatkan diri, pengkaji mendapati bahawa penutur bahasa Tamil Malaysia cenderung mengalihkan kod ke bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dengan kata lain, bahasa Inggeris merupakan unit bahasa asing yang paling banyak dialihkan kod oleh penutur- penutur bahasa Tamil. Pemerhatian ini memberi idea kepada pengkaji untuk terus menjalankan kajian tentang fenomena pengalihan kod.

### **3.6.3 Prosedur Temubual**

Setelah membuat rakaman audio dan soal selidik, pengkaji menjalankan aktiviti temubual. Tujuan temubual dijalankan adalah untuk mengetahui beberapa maklumat yang tidak diketahui melalui borang soal selidik.

Temubual dengan sampel berdasarkan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka dan kesesuaian dengan konteks dunia mahasiswa-mahasiswi itu sendiri. Soalan temubual ini disediakan terlebih dahulu dan dikemukakan secara spontan. Temubual ini membantu pengkaji untuk mengetahui fungsi pengalihan kod yang digunakan serta faktor-faktor yang mempengaruhi perlakuan pengalihan kod.

Dalam proses menjalankan kajian ini, pengkaji sempat bertemubual dengan lima orang penutur bahasa Tamil Malaysia untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pengalihan kod berlaku. Soalan-soalan yang dikemukakan ada pada lampiran (Lampiran II). Butir-butir sampel yang ditemubual adalah seperti berikut.

**Jadual 3.2 : Butir-butir lima orang sampel Temubual**

NAMA JANTINA UMUR			PENGALIHAN KOD		
			B.I	B.M	BT
Responden A	P	23tahun	ADA	ADA	ADA
Responden B	P	26 tahun	ADA	ADA	ADA
Responden C	L	28 tahun	ADA	ADA	ADA
Responden D	L	30tahun	ADA	ADA	ADA
Responden E	P	32 tahun	ADA	ADA	ADA

Jadual di atas menunjukkan bahawa kelima-lima sampel ini menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia sewaktu berkomunikasi dalam pertuturan bahasa Tamil. Hasil temubual ini menunjukkan bahawa pengalihan kod memang berlaku dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaya.

Sebelum temubual dijalankan, pengkaji menyediakan soalan-soalan yang akan ditujukan kepada kelima-lima orang. (sila rujuk Lampiran II). Soalan-soalan yang dikemukakan kepada kelima-lima sampel tersebut dapat membantu pengkaji untuk menjawab soalan kajian ini disamping membolehkan objektif kajian ini tercapai. Pengkaji menggunakan tempoh masa lebih kurang empat puluh lima minit untuk bertemubual dengan setiap sampel. Maklum balas sampel-sampel tentang fenomena pengalihan kod ini direkodkan dengan menggunakan pita rakaman supaya memudahkan kerja penganalisan.

#### **3.6.4 Pengumpulan Data**

Setelah mahasiswa-mahasiswi dikenalpasti, pengkaji mengadakan satu sesi perjumpaan dengan mereka. Dalam perjumpaan itu, mahasiswa-mahasiswi diberitahu tentang tujuan kajian dan tatacara kajian dijalankan. Para responden diyakinkan tentang kerahsiaan perbualan dan identiti mereka. Mereka diberitahu yang mereka bebas untuk berbual dengan mana -mana rakan sekursus asalkan peserta itu hendaklah menuturkan bahasa ibunda. Perbualan bebas dilakukan dalam situasi informal seperti di asrama, kantin atau semasa belajar sendiri. Perbualan dalam situasi formal dielakkan kerana ia difikirkan kurang mengizinkan pengalihan kod. Dari segi penyertaan bilangan peserta dalam sesuatu perbualan tidak dihadkan.

Dari segi masa rakaman pula, tidak ada had masa ditetapkan. Sebaliknya apa yang dipertengahan ialah perbualan mengenai wacana lisan yang mengandungi satu perkara yang menjadi topik perbualan. Pita rakaman terletak di tempat yang tersembunyi agar mahasiswa-mahasiswi dapat mengemukakan pendapat secara bebas. Cara ini akan meyakinkan perbualan secara spontan.



Tujuan utama pengkaji adalah untuk mendapatkan data linguistik yang bersifat tulen dan asal tanpa sebarang gangguan yang boleh mempengaruhi penggunaan bahasa mahasiswa-mahasiswi tersebut. Dengan kata lain, fenomena pengalihan kod yang terdapat dalam perlakuan berbahasa itu adalah secara tulen dan bukannya disengajakan. Jenis data linguistik yang diperolehi itu merupakan bahasa yang lazim dan benar-benar digunakan oleh mahasiswa-mahasiswi tersebut semasa berinteraksi.

### **3.7 Penganalisan Data**

Setelah memperolehi data-data linguistik yang relevan, rakaman pertuturan itu dimainkan kembali untuk dianalisis. Hanya data-data Linguistik yang relevan sahaja dipilih, diproses dan ditranskripsikan. Akhirnya ia akan dianalisis serta dihuraikan oleh pengkaji secara terperinci dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Beberapa jadual yang berkaitan, dan graf yang menggunakan peratus akan digunakan dalam penganalisan data. Contoh-contoh yang relevan juga akan dibincangkan dalam bab 4. Analisis data Linguistik ini akan dilakukan berdasarkan kepada perkataan, frasa dan klausa dalam setiap perbualan. Pengkaji mempunyai panduan tertentu untuk mengkategorikan sesuatu perkataan, frasa atau klausa. Seterusnya, pengkaji menggunakan jadual berangka untuk menunjukkan kekerapan dan peratus pengalihan kod dilakukan.

Dalam Bab 4 yang membincangkan dapatan kajian, pengkaji akan menghuraikan secara deskriptif tentang faktor-faktor yang menyebabkan pengalihan kod berlaku. Tambahan pula, pengkaji akan menganalisis maklum balas yang diberi oleh sampel-sampel soal-selidik secara kuantitatif dan membincangkan fenomena pengalihan kod.

Maklum balas sampel soal-selidik mengukuhkan dan membuktikan lagi pandangan pengkaji tentang fenomena pengalihan kod.

Seterusnya, pengkaji mengemaskinikan maklum balas sampel-sampel temubual. Kemudian, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk membincangkan fenomena pengalihan kod.

Berikut adalah beberapa contoh perkataan bahasa Tamil yang telah dirumikan.

**Jadual 3.3** Perkataan bahasa Tamil yang telah dirumikan.

Dalam bahasa Tamil	Setelah Dirumikan
வணக்கம்	vanakkam
நன்றி	NanRi

Dalam transkripsi kajian menggunakan bentuk rupa taip yang berlainan untuk membezakan bahasa di mana bahasa Tamil ditaip dalam bentuk biasa bahasa Inggeris ditaip secara condong dan bahasa Malaysia ditaip dengan huruf tebal dan condong.

Contoh: *teacher* varalenna, ***ganti*** poda sollungga.

Pengkaji juga menggunakan simbol-simbol transkripsi yang diperkenalkan oleh *Schenkein (1978)* dengan merujuk dalam tesis *Gan (2000:66)*. Simbol-simbol ini diubahsuaikan mengikut keperluan pengkaji.

**JADUAL 3.4      SIMBOL-SIMBOL TRANSKRIPSI**

<b>SIMBOL</b>	<b>BERMAKSUD</b>
/	Berhenti
”	Berhenti lama
,	Mencelah
[ ]	Percakapan serentak
( )	Senyap
(( ))	Perlakuan bukan verbal dan gerak balas
::	Bunyi terakhir dipanjangkan
^	Bunyi sengau
(.....)	Ujaran yang kurang jelas/tidak jelas
.....	Perbualan yang belum selesai
=	Menyambung pertuturan sebelum
< = >	Ujaran tidak relevan yang telah digugurkan

Data yang ditranskripsikan turut diterjemahkan ke bahasa Melayu apabila digunakan sebagai contoh dalam penganalisan data.

### **3.7.1      Penganalisan Data dari Rakaman Perbualan**

Sebanyak 7 sesi rakaman perbualan secara tidak formal yang dijalankan selama 45 minit setiap satu telah ditranskripsikan. Penganalisan rakaman perbualan dilakukan untuk meninjau tentang sejauh manakah pengalihan kod dalam kalangan responden.

### **3.7.2 Penganalisan data secara Kuantitatif**

Penganalisan data secara kuantitatif diadakan untuk mengkaji peringkat berlakunya pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaya. Kaedah penganalisan ini digunakan untuk mencari peratus terperinci pengalihan kod secara umum.

### **3.7.3 Penganalisan data secara Kualitatif**

Penganalisan data secara kualitatif diadakan untuk mengkaji dan menganalisis transkripsi perbualan responden. Pengumpulan data kajian ini dianalisis untuk melihat perubahan yang kerap berlaku sama ada pada peringkat kata, ayat atau frasa. Kaedah ini juga digunakan untuk menganalisis perbualan responden untuk melihat apakah kod pengalihan yang digunakan semasa memulakan pertuturan. Sebagai contohnya :-

**Bahasa Tamil → Bahasa Malaysia**

**Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris**

**Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil → Bahasa Malaysia**

## **3.8 Kesimpulan**

Kajian sosiolinguistik dalam masyarakat Tamil Malaysia yang banyak mengalami asimilasi merupakan satu kajian yang amat menarik. Hal ini kerana masyarakat ini ialah masyarakat yang menggunakan dwibahasa seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Secara kesimpulannya bab ini memberi penerangan tentang reka bentuk kajian, kerangka teoritis, kaedah penyelidikan, instrumen pengumpulan data dan

penganalisisan data. Teknik-teknik dan kaedah-kaedah mengumpul data dan menganalisis data juga dibincangkan untuk memenuhi pemilihan metodologi yang tepat dan benar.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji menganalisis data kajian untuk menjawab soalan-soalan kajian. Penutur-penutur bahasa Tamil di Malaysia cenderung mengalihkan kod. Mereka cenderung mengalihkan ragam bahasa basahan seperti bahasa rojak, bahasa SMS dan bahasa sembang Internet ke dalam bahasa standard atau bahasa baku (Awang Sariyan, 2006). Fenomena pengalihan kod secara interbahasa sering berlaku sewaktu pertuturan harian, perbualan dengan kawan-kawannya dan ucapan dalam kalangan penduduk Tamil Malaysia. Yang nyata sekali adalah pengalihan kod ke bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan penutur bahasa Tamil semakin bertambah dan meluas. Pengalihan kod ini dianggap sebagai salah satu ciri variasi baru bahasa Tamil Malaysia (Malarvizhi 2006).

Dalam bab yang mempersembahkan dapatan kajian ini, pengkaji meninjau sejauh manakah berlakunya pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi ini. Seterusnya pengkaji menghuraikan apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengalihan kod. Dalam bab ini juga pengkaji membincangkan faktor-faktor dari segi struktur linguistik dan sosiobudaya yang mengakibatkan fenomena pengalihan kod. Seterusnya jenis-jenis bahasa yang paling kerap digunakan dalam pengalihan kod juga dibincangkan.

#### **4.1 Latar belakang Sampel**

Latar belakang sampel diketahui melalui temu bual dan juga melalui borang soal selidik. Jadual 4.1 memberikan butir-butir peribadi sampel mengenai pencapaian akademik tertinggi, jurusan di Universiti serta kelulusan tertinggi bahasa Tamil.

Jadual 4.1 berikut menunjukkan bahawa semua sampel kajian ini adalah terdiri daripada 18 sampel wanita dan 18 sampel lelaki. Kesemua sampel ini berumur diantara 23 hingga 28 tahun. Pendidikan tertinggi yang akan diperolehi oleh sampel-sampel kajian ialah Ijazah Sarjana Muda. Namun kesemua sampel ini mempunyai kelulusan akademik bahasa Tamil tertinggi sampai ke peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Sebanyak enam orang sampel sahaja mempunyai kelulusan akademik bahasa Tamil tertinggi sampai ke peringkat STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia). Sampel-sampel yang dipilih dalam kajian ini boleh bertutur dalam bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan juga bahasa Malaysia. Selain daripada ketiga-tiga bahasa ini, sampel kajian juga boleh bertutur dalam bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Dravidia lain seperti Telugu dan Malayalam.

**Jadual 4.1 Maklumat peribadi Sampel**

Bilangan sampel	6	6	6	6	6	6
Jantina	L	p	L	P	L	P
Umur	23	23	26	26	28	28
Bahasa Ibunda	B.T	B.T	B.T	B.T	B.T	B.T
Pendidikan Tertinggi	Siswa Tahun 2	siswa Tahun 2	siswa Tahun 2	siswa Tahun 2	siswa Tahun 3	siswa Tahun 4
Jurusan di Universiti	Pengajian Tamil	Pengajian Tamil	Pengajian Tamil	Pengajian Tamil	Pengajian B.M	Pengajian B.I
Kelulusan Bahasa Tamil Tertinggi	STPM principle	SPM lulus	SPM kepujian	SPM kepujian	SPM lulus	SPM kepujian

L = Lelaki

P = Perempuan

SPM = Sijil Pelajaran Malaysia

STPM = Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

Jadual di bawah menerangkan bahawa sampel dapat bertutur lebih dari satu bahasa. Walaupun bahasa ibunda sampel ialah bahasa Tamil namun mereka masih mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Malaysia dan bahasa antarabangsa iaitu bahasa Inggeris. Kesimpulannya bahasa Tamil menjadi pilihan pertama dan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris menjadi pilihan kedua dan ketiga sampel.



Berdasarkan jadual 4.2 di bawah, sebanyak 83% sampel fasih dalam bahasa Tamil. Manakala seramai 17% sampel sederhana dalam penguasaan bahasa Tamil. Tahap penguasaan bahasa pertuturan sampel dalam bahasa Malaysia lebih tinggi daripada bahasa Inggeris iaitu seramai 69% sampel fasih bertutur dalam bahasa Malaysia. Bagi bahasa Inggeris pula 56% menguasainya dengan fasih dan 44% sampel berada pada tahap sederhana. Keputusannya menunjukkan bahawa tiada sampel yang lemah dalam ketiga-tiga bahasa. Kesimpulannya ialah seramai 56% sampel fasih dalam ketiga-tiga bahasa.

**Jadual 4.2 Tahap Penguasaan Bahasa Pertuturan Sampel**

<b>BAHASA</b>	<b>FASIH</b>	<b>SEDERHANA</b>	<b>JUMLAH</b>
B.TAMIL	30	6	36
B.INGGERIS	20	16	36
B.MALAYSIA	25	11	36

#### **4.2 Tahap Penggunaan Bahasa sampel**

Berdasarkan jadual 4.3 di bawah, sewaktu perbualan hampir 50 % sampel menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Manakala 30 % daripada sampel yang dikaji menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Malaysia. Hanya sebilangan kecil sahaja iaitu sebanyak 10 % sampel sahaja boleh bertutur dalam bahasa Tamil tanpa pengalihan kod. Ini membuktikan bahawa 90 % sampel mengalih kod dalam pertuturan mereka. Keadaan ini menjelaskan lagi bahawa pengalihan kod berlaku tanpa mereka sedari bagi komunikasi yang lebih lancar dan mesra.

**Jadual 4.3 Bahasa-bahasa yang dituturkan oleh sampel**

BAHASA PERBUALAN	JUMLAH PENUTUR	PERATUS
Bahasa Tamil (tanpa pengalihan kod)	5	10%
Bahasa Tamil + Bahasa Inggeris	25	50%
Bahasa Tamil + Bahasa Malaysia	15	30%
Bahasa-bahasa lain (Malayalam, Telugu )	5	10%
Jumlah	50	100%

Jadual ini jelas menunjukkan bahawa sampel dapat bertutur lebih dari satu bahasa. Walaupun sampel menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibundanya namun mereka masih mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Walaupun bahasa Tamil merupakan bahasa pertuturan yang utama namun mereka menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan ketiga.

Daripada tinjauan ringkas terhadap pengalihan kod, didapati bahawa bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris digunakan secara meluas oleh penutur Tamil Malaysia. Suasana sebegini tidak dapat dielakkan sebab masyarakat Tamil Malaysia di negara ini ialah


masyarakat multilingual. Sebenarnya, sampel juga menggunakan ketiga-tiga bahasa ini dalam perbualan harian mereka.

### **4.3 Penggunaan bahasa sampel dalam situasi tidak formal**

Kekerapan menggunakan pelbagai bahasa oleh sampel dalam pelbagai situasi komunikasi juga diketahui melalui borang soal selidik. Pengetahuan mengenai kekerapan penggunaan bahasa oleh sampel dapat membantu pengkaji untuk mengetahui sebab pengalihan kod berlaku. Di samping itu ianya bertujuan untuk mengetahui mengapakah sesuatu bahasa lebih kerap dipilih berbanding dengan bahasa lain.

#### **4.3.1 Pilihan Bahasa Sampel**

Jika meneliti Rajah, 4.1 didapati bahawa sampel menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai pengalihan kod. Lebih ramai sampel kerap kali menggunakan bahasa Tamil untuk berbual dengan rakan sekursus, rakan sebangsa dan orang lain. Kesemua rakan sekursus sampel adalah seetnik dengan sampel. Penguasaan multilingual para sampel membolehkan mereka menggunakan pelbagai bahasa bagi komunikasi yang lebih berkesan dan lancar. Penguasaan pelbagai bahasa menyebabkan pengalihan kod berlaku. Jika diteliti perbezaan pengalihan kod dalam kalangan penutur Tamil, boleh dikatakan bahawa sampel bertutur bahasa Tamil, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan kadar yang berbeza. Terdapat lebih kurang perbezaan antara 10 hingga 15 peratus antara bahasa Tamil, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Perbezaan antara ketiga-tiga bahasa itu tidaklah begitu ketara. Hasil dapatan kajian juga membuktikan bahawa pengalihan kod dari segi pemilihan perkataan daripada bahasa lain lebih berkesan bagi menyatakan perasaan berbanding dengan bahasa Tamil.



**Rajah 4.1 Bahasa-bahasa yang digunakan oleh sampel sewaktu pengalihan kod**

#### **4.3.2 Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan**

Penutur bahasa Tamil Malaysia suka mengalih kod ke dalam bahasa Inggeris. Contohnya pengalihan kod seperti “thank you” atau “thanks” dalam kalangan penutur Tamil Malaysia menjadi satu kebiasaan bertutur tanpa disedari. Ia mewujudkan fenomena pengalihan kod ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa kata-kata bahasa Inggeris seperti “OK”, “WOW” yang bersifat bahasa pertuturan juga banyak digunakan. Penggunaan kata-kata seru bahasa Inggeris didapati lebih bersifat semulajadi berbanding dengan bahasa Tamil dan senang digunakan oleh golongan remaja. Menurut Thanga Maniam (1983), masyarakat akan berpandang tinggi dan status dan prestij seseorang akan meningkat apabila mereka menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan.

### **4.3.3 Kekерapan Penggunaan bahasa dengan ahli keluarga**

Pengumpulan data melalui soal selidik memberikan banyak maklumat tentang penggunaan bahasa sampel dengan ahli keluarga dalam situasi tidak formal. Pengkaji menyediakan beberapa soalan soal selidik untuk dijawab oleh sampel mengenai kekerapan penggunaan bahasa dengan ahli keluarga. Jadual 4.4 dibawah memberikan penerangan tersebut.

Hasil dapatan kajian dari jadual 4.4 menunjukkan kesemua sampel menggunakan bahasa Tamil apabila berbual dengan ahli keluarga. Penerangan jadual juga membuktikan bahawa sampel kajian ini lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Malaysia apabila berkomunikasi dengan ahli keluarga mereka. Hampir separuh daripada sampel didapati kadang-kadang menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga. Dapatan kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik (rujuk pada lampiran 1).

Tetapi sebaliknya sampel lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia dengan anak-anak mereka berbanding dengan ahli keluarga lain. Ini adalah bertujuan untuk mendedahkan anak-anak mereka kepada bahasa kedua atau bahasa ketiga supaya mereka fasih dalam bahasa tersebut.

**Jadual 4.4 Kekekapan penggunaan bahasa dengan ahli keluarga**

<b>Bahasa</b>	<b>B.M</b>			<b>B.I</b>			<b>B.T</b>		
	<b>S</b>	<b>K</b>	<b>J</b>	<b>S</b>	<b>K</b>	<b>J</b>	<b>S</b>	<b>K</b>	<b>J</b>
<b>kekekapan</b>									
Ibubapa	-	2	6	2	4	1	5	1	1
Adik beradik	-	3	5	3	2	2	4	2	1
Suami/Isteri	-	4	2	3	3	2	4	2	1
Anak	2	3	2	3	4	1	3	3	2
Sanak Saudara	1	2	4	2	2	2	3	2	2
Jumlah	3	14	19	13	15	8	19	10	7

S = Selalu

K = Kadang-kadang

J = Jarang

#### **4.3.4 Pilihan bahasa Sampel di luar rumah**

Jadual 4.5 memberi penerangan tentang bahasa pilihan sampel berkomunikasi di luar rumah. Ramai sampel kerap kali menggunakan bahasa Tamil sewaktu berkomunikasi dengan rakan sekelas, rakan sebangsa dan juga orang luar. Kesemua orang luar dan rakan sekelas sampel ialah seetnik dengan sampel. Kesemua rakan sekelas sampel juga menerima pendidikan awal di sekolah Tamil. Kebanyakan sampel kadang-kadang menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sewaktu berkomunikasi dengan orang luar dan rakan sekelas mereka.

**Jadual 4.5 Bahasa pilihan sampel di Luar Rumah**

Perbualan sampel dengan	B.Malaysia				B.Inggeris				B.Tamil			
	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K
Rakan sekelas	6	6	24	-	1	6	25	4	-	2	3	31
Rakan sebangsa	16	13	4	3	26	5	3	2	-	-	4	32
Orang luar	-	3	17	16	-	3	16	17	1	3	17	15

**Petunjuk: TP Tidak Pernah, J : Jarang, KK : Kadang-kadang ,  
K : Kerap**

#### **4.4 Pandangan Sampel Tentang Fenomena Pengalihan Kod**

Sampel kajian diminta untuk memberi pandangan mereka tentang pengalihan kod berdasarkan enam pernyataan yang diberi. Skala yang digunakan untuk menyatakan tahap persetujuan mereka dengan pernyataan-pernyataan tersebut adalah seperti berikut:

- A. Sangat tidak setuju.
- B. Tidak setuju
- C. Tidak setuju.
- D. Tidak pasti.
- E. Setuju.
- F Sangat setuju

**Jadual 4.6 Pandangan sampel Tentang Pengalihan Kod**

NO	PENYATAAN	SAMPEL					
		A	B	C	D	E	F
<b>BIL</b>	<b>SAMPLE KAJIAN</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>
1.	Kekerapan pengalihan kod bahasa secara selang-seli dalam komunikasi	2	3	5	8	8	10
2.	Pengalihan kod bahasa secara selang-seli tidak seharusnya berlaku	1	2	5	10	8	10
3.	Pengalihan kod perlu jika tiada perbendaharaan kata yang sesuai dalam bahasa yang dituturkan	2	4	6	6	8	10
4.	Pengalihan kod ialah sesuatu yang tidak sihat untuk perkembangan kedua-dua bahasa yang terlibat.	8	8	7	5	5	3
5.	Seseorang yang mengalihkan kod dalam pertuturan adalah tidak mahir dalam salah satu bahasa berkenaan	1	8	8	6	8	5
6.	Pengalihan kod mewujudkan suasana yang lebih mesra	2	3	3	8	10	10

Dari jadual 4.6, dapat dilihat bahawa seramai 10 orang sampel sangat bersetuju bahawa pengalihan kod adalah perlu jika tiada perbendaharaan kata yang sesuai dalam bahasa yang dituturkan. Sebaliknya hanya seorang sampel sahaja, bersetuju bahawa seseorang mengalihkan kod bahasa dalam pertuturan adalah kerana tidak mahir dalam salah satu bahasa berkenaan. Seramai 20 orang sampel iaitu sebanyak (56 %) bersetuju bahawa pengalihan kod bahasa mewujudkan suasana yang lebih mesra sewaktu berkomunikasi. Hanya 8 orang sampel sahaja tidak bersetuju dengan pendapat ini. Dari segi kekerapan pengalihan kod bahasa secara selang-seli dalam komunikasi sampel, hampir 26 orang iaitu sebanyak (72 %) mengaku kerap berbuat demikian manakala seramai 10 orang sahaja tidak bersetuju dengan pendapat ini. Hampir lapan puluh peratus (80 %) sampel mengaku bahawa pengalihan kod



bahasa secara selang-seli tidak seharusnya berlaku. Sebaliknya dua puluh peratus (20 % ) lagi tidak sependapat dengan kenyataan ini.

Selain memberi pandangan terhadap pengalihan kod melalui pernyataan-pernyataan yang diberi, sampel kajian juga diminta menyenaraikan sebab-sebab lain mereka mengalihkan kod. Seramai 5 orang sampel mengatakan bahawa beliau sendiri tidak fasih dalam bahasa Inggeris. Dengan mengetahui latarbelakang sociolinguistik dan kepenggunaan bahasa sampel, pengkaji berharap dapat melihat corak, pengalihan kod yang dilakukan oleh mereka dan membuat perbandingan corak berkenaan.

#### **4.5 Pilihan Bahasa dalam situasi tidak formal**

Dalam kesemua perlakuan pengalihan kod, bahasa Tamil merupakan bahasa matrix (*matrix language*), iaitu bahasa utama pertuturan. Dalam kajian ini sampel menggunakan bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Dalam setiap perbualan bahasa Tamil menjadi pilihan utama kerana ia merupakan bahasa ibunda. Dalam ujaran-ujaran yang dirakamkan didapati sampel mengalihkan kod dari bahasa Tamil ke bahasa Malaysia dan dari bahasa Malaysia ke bahasa Tamil. Tiada pengalihan kod yang dilakukan dari bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia atau dari bahasa Malaysia ke bahasa Inggeris.

Dalam fenomena pengalihan kod, bahasa Tamil berperanan sebagai bahasa wahana (*matrix language*). Bahasa Tamil memainkan peranan utama sewaktu dalam pertuturan. Manakala bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia hanya digunakan semasa pengalihan kod. Struktur ayat bahasa Tamil diberi keutamaan dan perkataan-perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia diselitkan atau digabungkan mengikut kesesuaian nahu bahasa Tamil.

#### 4.7 Jadual kekerapan Pengalihan Kod

TRANSKRIPSI	B. MALAYSIA	B. INGGERIS	JUMLAH
1	3	29	32
2	7	19	26
3	8	19	27
4	2	4	6
5	3	9	12
6	2	11	13
7	4	16	20
JUMLAH	29	107	136

Berdasarkan penganalisan data pada jadual 4.7, sampel-sampel lebih kerap mengalihkan kod dari bahasa Tamil ke dalam bahasa Inggeris. Sebanyak 78.7 % sampel mengalihkan kod ke bahasa Inggeris. Pengalihan kod bahasa Malaysia ke dalam bahasa Tamil tidak begitu ketara. Pengalihan kod ke bahasa Malaysia ialah sebanyak 21.3 % sahaja. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa bahasa Inggeris lebih kerap digunakan berbanding dengan bahasa Malaysia sewaktu berkomunikasi.

#### 4.6 Jenis-jenis perkataan yang digunakan


Dapatan kajian menunjukkan bahawa sampel menggunakan pelbagai jenis perkataan dalam pengalihan kod. Antara golongan perkataan yang didapati adalah kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang begitu ketara dalam pengalihan kod.

#### 4.7 Golongan kata yang sering dialihkan kod

Selain menganalisis fenomena pengalihan kod pengkaji juga telah menganalisis golongan kata yang dibaurkan. Ini dapat dilihat dalam Rajah 4.2.

Berdasarkan Rajah 4.2, dapat dirumuskan bahawa kata adjektif merupakan golongan kata yang paling banyak terlibat dalam pengalihan kod. Sebanyak 50 % kata adjektif telah dialihkan kod dalam perbualan. Manakala 35 % perkataan merupakan kata nama sama ada kata nama khas atau pun kata nama am. Bakinya adalah kata kerja iaitu sebanyak 10 %.

Dalam kajian ini pengkaji mendapati kebanyakan sampel mengalihkan kod bagi menyatakan sifat seseorang, Sesuatu perkara, tempat atau pun benda. Justeru itu, pengalihan kod dari segi kata sifat lebih banyak jika dibandingkan dengan jenis perkataan yang lain.



**Rajah 4.2 Jenis-jenis Pengalihan Kod**

#### **4.8 Pengalihan kod yang melibatkan unsur tatabahasa Tamil dalam kata-kata asing.**

Masyarakat Tamil Malaysia menerima dan sering menggunakan beberapa perkataan dari bahasa asing. Perkataan-perkataan asing ini telah sebatu dalam kalangan masyarakat Tamil. Perkataan sebegini telah diberikan unsur tatabahasa Tamil pada akhiran perkataan bagi kata-kata yang dipinjam daripada bahasa asing. Jadual di bawah memberi penerangan tentang akhiran perkataan.

**Jadual 4.8 Proses Pengalihan Kod perkataan bahasa Inggeris dengan akhiran Tamil**

<b>Pengalihan kod</b>	<b>Perkataan Inggeris</b>	<b>Akhiran Tamil</b>
Straight -ta	straight	(+ta)
Early - ya	early	(+ya)
Question - ne	question	(+ne)

Data yang didapati melalui transkripsi rakaman menjelaskan bahawa pengalihan kod asimilasi tatabahasa Tamil dalam perkataan bahasa Inggeris memang berlaku. Perkataan straight telah ditambah dengan akhiran perkataan (+ta) dan menjadi perkataan baru iaitu straight-ta. Begitu juga dengan perkataan early telah ditambah dengan akhiran perkataan (+ya) dan menjadi perkataan baru iaitu early-ya. Manakala perkataan question telah ditambah dengan akhiran perkataan (+ne) dan menjadi perkataan baru iaitu question- ne.

**Jadual 4.9 Proses Pengalihan kod perkataan bahasa Malaysia dengan akhiran Tamil**

<b>Pengalihan kod</b>	<b>Perkataan Bahasa Malaysia</b>	<b>Akhiran Tamil</b>
Lorong - le	lorong	(+le)
Restoran - le	restoran	(+le)
Taman - ne	taman	(+ne)

Berdasarkan contoh-contoh di atas pengalihan kod yang melibatkan bahasa Malaysia dapat di kenal pasti. Perkataan-perkataan bahasa Malaysia telah menerima akhiran bahasa Tamil. Kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa proses asimilasi turut berlaku semasa berlakunya proses pengalihan kod ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia.

#### **4.9 Pola-pola Pengalihan kod**

Dalam penyelidikan fenomena pengalihan kod pengkaji telah mengenal pasti beberapa pola pengalihan kod. Pengkaji telah merumuskan pola-pola fenomena pengalihan kod dari rakaman perbualan yang telah ditranskripsikan. Pola-pola tersebut adalah seperti berikut :-

### **Pola-pola Pengalihan kod**

- i. Bahasa Tamil ⇔ Bahasa Inggeris
- ii. Bahasa Tamil ⇔ Bahasa Malaysia
- iii. Bahasa Tamil ⇔ Bahasa Malaysia ⇔ Bahasa Inggeris
- iv. Bahasa Tamil ⇔ Bahasa Inggeris ⇔ Bahasa Malaysia

#### **4.9.1 Pola jenis Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris**

Pola sebegini sering berlaku dalam setiap perbualan sampel. Sampel suka menggunakan bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Inggeris. Contoh-contoh di bawah ini memberi penerangan tentang pola ini dengan jelas.

##### **UJ18 : Transkripsi 1- Kedai Buku (Fakulti Pendidikan)**

Yennu theriyale, Sheela – ve innum kaanum. Anthe **roundabout** kittede vanthuttenne sonnangge. Innum kaanum !

Berdasarkan contoh yang di beri di atas, perkataan yang berhuruf tebal seperti di atas jelas menunjukkan pola pengalihan kod bahasa Tamil ke bahasa Inggeris.

Contoh – **roundabout** (bulatan )

#### **4.9.2 Pola jenis Bahasa Tamil → Bahasa Malaysia**

Pola jenis ini berlaku dalam setiap sesi perbualan sampel semasa situasi perbualan tidak formal. Sampel akan bermula dengan menggunakan bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Malaysia. Seterusnya mengalih kod ke dalam bahasa Tamil. Contoh di bawah menerangkan pola jenis ini.

## UJ32: Transkripsi 2 – Kedai (Fakulti Pendidikan)

Athanla yentha **lorong** –le pooranumne theriyaame, konja neram blank aayitten. Nalla velai Sheela – vukke call pannen. Illanna anggaye ainthu aaru thadavai round panniyiruppen ! ok ! ok !, vaangge yengge Barathi – ya innum kaanum. Nethu yennamo naanthan early- ya varuvenu savaallanvittan. Aalu **hilang** aayittan.

Berdasarkan contoh-contoh yang di beri di atas, perkataan-perkataan yang berhuruf tebal seperti di bawah jelas menunjukkan pola pengalihan kod Bahasa Tamil ke Bahasa Malaysia.

- a) **Lorong**
- b) **Hilang**

### 4.9.3 Pola Jenis Bahasa Tamil → Bahasa Malaysia → Bahasa Inggeris.

Pola jenis ini sering berlaku dalam setiap sesi perbualan tidak formal. Sampel didapati memulakan perbualan dalam bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Malaysia dan kemudian mengalihkan kod ke dalam bahasa Inggeris. Seterusnya telah mengalihkan kod ke dalam bahasa Tamil. Contoh dibawah menerangkan pola jenis ini.

## UJ24: Transkripsi 2 – Kedai (Fakulti Pendidikan)

Athuva, yentha lorong - pooranumne theriyalaiyam. **Paathai sesat aayi roundabout – taye four – five times round** panni kitte irunthirukkan. Athan phone panni vazhi ke:ttan !

Berdasarkan contoh di atas, perbualan bermula dengan menggunakan bahasa Tamil dan bertukar kod ke dalam bahasa Malaysia dan seterusnya ke dalam bahasa Inggeris. Perkataan berhuruf tebal menerangkan keadaan tersebut dengan jelas.

a) **Paathai sesat aayi roundabout – taye four five times round.**

(Setelah sesat jalan mengelilingi bulatan empat atau lima kali)

### 4.9.4 Pola jenis Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris → Bahasa Malaysia

Pola jenis ini sering berlaku dalam sesi perbualan sampel semasa dalam situasi tidak formal. Sampel didapati memulakan perbualan dalam bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Inggeris dan kemudian mengalihkan kod ke dalam bahasa Malaysia. Contoh di bawah menerangkan pola jenis ini dengan jelas.

## UJ 11 : Transkripsi 1- Kedai (Fakulti Pendidikan)

Sari sari ! Rombe polambathe . Ippa vanthuruvaangga. **Aamaa morning breakfast sudah makan kah?**



**a) Aamaa morning breakfast sudah makan kah?**


(Pagi tadi sudah makan sarapan ke ? )

Berdasarkan contoh tersebut, perbualan bermula dalam bahasa Tamil dan bertukar ke dalam bahasa Inggeris dan seterusnya bertukar kepada bahasa Malaysia.

**4.10 Faktor-faktor Pengalihan kod**

Jika kita meneliti rajah dibawah bolehlah membuat keputusan bahawa 60% daripada jumlah perkataan yang digunakan oleh sampel ialah daripada perkataan-perkataan yang sedia ada dalam bahasa Tamil. Memang menjadi lumrah bagi penutur sesuatu bahasa menggunakan bahasa mereka sendiri sewaktu berkomunikasi.

Tiga puluh lima peratus (35%) pengalihan kod disebabkan oleh pengaruh dalam dialog filem-filem Tamil. Pengalihan kod yang dilakukan dalam filem-filem Tamil memang mempengaruhi mahasiswa-mahasiswi ini. Keadaan ini wujud kerana golongan remaja cepat terpengaruh dengan gaya dan bahasa yang digunakan oleh watak kegemaran mereka. Maka tidak hairanlah mahasiswa-mahasiswi ini terpengaruh dan terikut-ikut dengan gaya bahasa yang digunakan dalam filem-filem Tamil. Sebanyak 5% lagi pengalihan kod ini disebabkan oleh faktor-faktor sampingan lain seperti faktor kawan, tempat, sosioekonomi dan sebagainya.



**Rajah 4.3 Faktor-faktor Pengalihan Kod Oleh Sampel**

#### **4.11 Faktor-faktor yang mempengaruhi Pengalihan Kod**

Fenomena pengalihan kod memang berlaku dalam kalangan penutur bahasa Tamil Malaysia. Di bawah ini telah disenaraikan beberapa faktor. Menurut Kachru (dalam Kang, 2001) menyatakan bahawa prestij bahasa dan konteks budaya sesebuah masyarakat boleh menyebabkan ahli masyarakat itu mengalihkan kod dalam pertuturan.

##### **4.11.1 Faktor Penyingkatan atau menjimatkan masa**

Sampel-sampel yang dikaji dalam perbualannya mengalih kod untuk menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih cepat melalui akronim.

Contoh dari perbualan (1)  
 FP Group Study  
*FP Group stadikku kooppidu.*  
 (Memanggil untuk Group Study di FP)

Dalam ujaran tersebut FP bermaksud Fakulti Pendidikan. Sampel secara spontan memberitahu FP sebarang maksud atau penerangan. Pengalihan seperti ini dapat mejimatkan masa penutup.

#### **4.11.2 Faktor mendapatkan kepastian dan memastikan**

Dalam kebanyakan situasi didapati sampel dalam perbualannya mengalih kod untuk mendapatkan keputusan untuk memastikan atau menyingkatkan sesuatu pertanyaan. Terutamanya dalam ujaran-ujaran yang melibatkan nombor. Setiap kali dalam perbualannya sampel lebih senang dan mudah menyebut nombor dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Tamil.

Contoh: Perbualan (1)

eight thirty

*eight thirtykke kadayil*

(lapan tiga puluh di kedai)

Keadaan ini berlaku kerana sampel lebih kerap menggunakan perkataan bahasa Inggeris berbanding dengan perkataan bahasa Tamil dalam menyebut istilah nombor. Sampel lebih senang menyebut istilah nombor dalam bahasa Inggeris. Sekiranya Sampel ingin menyebut istilah nombor dalam bahasa Tamil, maka sampel perlu berfikir seketika dan ia akan memakan masa.

### 4.11.3 Memberi persetujuan atau penerangan

Dalam pernyataan ini sampel mengalih kod untuk memberikan kata putus kepada sesuatu ujaran. Setiap kali jika subjek bersetuju dengan sesuatu, maka dia menggunakan ujaran *OK!*

Contoh: Dari perbualan (1)

*OK! OK!*

*OK! OK! Athan sorry sonnen*

*OK! OK! (Saya sudah minta maaf)*

Sampel dalam perbualan di atas lebih senang dan biasa menggunakan ujaran *OK* untuk memastikan yang dia bersetuju dengan kenyataan tersebut. *OK* suatu perkataan yang lebih mudah dan senang diujarkan dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Tamil.

### 4.11.4 Faktor Kebiasaan

Daripada data yang dikumpul di dapati bahawa sampel mengalih kod kerana kebiasaan. Walaupun kosa kata atau perbendaharaan katanya terdapat dalam bahasa Tamil yang diketahui oleh penutur, namun sampel lebih senang menggunakan bahasa lain. Ia adalah kerana sampel sudah biasa dengan kosa kata tersebut.

Contoh: Dari perbualan (2)

Tea, Coffee

*Tea, Coffee yethachum venuma?*

(Mahu teh atau kopi?)

Sampel memang mengetahui maksud sebenar *Tea* atau *Coffee* dalam bahasa Tamil. Namun sampel sudah biasa menggunakan perkataan *Tea* atau *Coffee* dalam bahasa Inggeris. Ini adalah kerana sampel sudah biasa menyebut istilah tersebut sedemikian.

Contoh lain dalam Bahasa Malaysia

(Dari perbualan kedua)

taman-nu teriyum...

lorong-nu theriyathu...

*Yentha tamannu teriyum...*

*Yentha lorongnu theriyathu...*

(Tahu taman mana tetapi tidak tahu lorong mana)

Walaupun sampel mengetahui kata sebenarnya dalam bahasa Tamil, namun sampel lebih senang menggunakan istilah bahasa Malaysia dalam ujaran ini.

#### **4.11.5 Faktor Ketiadaan Kosa Kata**

Dalam situasi ini, sampel mengalih kod kerana ketiadaan kosa kata yang sepadan yang menjelaskan makna yang tepat dalam bahasa Tamil.

Contoh: Dari perbualan (2)

Motor-

*Motor-la vantutte irukkangga.*

(Datang dengan motor)

Contoh di atas menerangkan bahawa sampel menggunakan perkataan motor apabila merujuk pada motorsikal. Sampel menggunakan istilah motor kerana tiada perbendaharaan kata tepat yang melambangkan motorsikal dalam bahasa Tamil. Maka dalam situasi ini, sampel dikehendaki mengalih kod dari bahasa Tamil ke bahasa Inggeris.

#### 4.12 Pengaruh bahasa-bahasa lain

Kebanyakan masyarakat Tamil Malaysia yang berpelajaran memang fasih menggunakan bahasa Tamil, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Di Malaysia setiap kaum memahami dan menguasai bahasa ibundanya sendiri. Tanpa mengira kaum, masyarakat Tamil juga harus menguasai bahasa Malaysia kerana bahasa Malaysia merupakan bahasa kebangsaan negara ini.

Selain daripada bahasa Tamil mahasiswa-mahasiswi juga mempelajari mata pelajaran lain dalam bahasa Malaysia dan juga dalam bahasa Inggeris. Akibat dari pengaruh bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sampel lebih selesa dan senang menyebut istilah-istilah seperti nombor dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Tamil.

#### 4.13 Peringkat-peringkat pengalihan kod

Jadual menunjukkan golongan perkataan yang digunakan dalam pengalihan kod. Terdapat empat (4) peringkat pengalihan kod iaitu peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Jadual menunjukkan perkataan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris yang dialihkan kod sewaktu perbualan yang dikesan daripada transkripsi.

**Jadual 4.10 Peringkat-peringkat Pengalihan Kod**

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
<p><b>Peringkat ayat ( contoh perbualan)</b> Lorong mana ? Taman mana ?</p> <p><b>Peringkat Klausa ( contoh perbualan )</b> Tiada</p> <p><b>Peringkat Frasa Nama (contoh perbualan)</b> Restoran Taman Lorong</p>	<p><b>Peringkat ayat ( contoh perbualan)</b> Ok! Don t tention Half an hour, wait We go now Group study, start</p> <p><b>Peringkat klausa (contoh perbualan)</b>  Answers wrong Left hand side Group study Basic theory</p> <p><b>Peringkat frasa (contoh perbualan)</b>  House number Eight thirty This restoran</p>

Daripada jadual 4.10, didapati bahawa sampel lebih kerap mengalih kod di peringkat perkataan. Terdapat seratus dua puluh lapan (128) patah perkataan yang digunakan dalam pengalihan kod di peringkat perkataan. Di peringkat klausa pula terdapat Sembilan (9) ujaran yang telah dialih kod. Manakala di peringkat frasa terdapat dua

puluh tiga (23) ujaran yang dialihkan kod. Terdapat tujuh (7) ujaran yang dialihkan kod pada peringkat perkataan dan jarang sekali mengalih kod pada peringkat klausa.

Dalam data kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti bahawa pengalihan kod berlaku pada empat peringkat iaitu pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Pengalihan kod pada peringkat perkataan, frasa dan klausa dilihat dalam sesuatu ayat yang tertentu (intra-sentential), manakala, pengalihan kod pada peringkat ayat pula dikaji di antara ayat (intra-sentential). Rumusannya, percampuran pada peringkat beberapa ayat ini juga disebut sebagai penukaran atau pengalihan kod (Valdes-Fallis, 1978).

Jadual diatas menerangkan tentang perkataan- perkataan yang dialih kod yang terdapat dalam transkripsi-transkripsi yang dibincang. Perkataan-perkataan yang berulang dikira sebagai satu perkataan yang disebut sekali sahaja.

**Jadual 4.11 Golongan perkataan yang digunakan dalam pengalihan kod**

<b>PERKATAAN BAHASA MALAYSIA</b>	
lorong	sesat
hilang	taman
teh	asas
tanam	-



**Jadual 4.12 Golongan perkataan yang digunakan dalam pengalihan kod**

<b>PERKATAAN BAHASA INGGERIS</b>			
morning	Eight thirty	FP group study	Pick up
wait	bye	late	tomorrow
sorry	interesting	easy	easiest
see	Half an hour	ok	back
theory	house	physics	motor
subject	wrong	time	aunty
restaurant	Don't	tention	breakfast
staright	tea	coffee	t-junction
roundabout	continue	phone	thanks
friends	call	hello	second
left hand side	four	fivetimes	round
blank	early	we	go
now	number	waste	start
eguation	solve	complicated	try
method	answer	-	-

#### **4.14 Kekерapan bahasa yang digunakan dalam pengalihan kod**

Pandangan kasar transkripsi memberi gambaran bahawa ada sampel-sampel yang lebih kerap menggunakan bahasa Malaysia dan ada juga yang kerap menggunakan bahasa Inggерis. Setelah membuat rakaman dan transkripsi, pengkaji mendapati sampel kajian

lebih kerap memilih bahasa Inggeris berbanding bahasa Malaysia sewaktu pengalihan kod.

Daripada jadual diatas, di peringkat perkataan terdapat tujuh patah perkataan bahasa Malaysia dan enam puluh Sembilan patah perkataan bahasa Inggeris yang dialihkan kod. Kajian mendapati (Jadual 4.11) secara keseluruhannya golongan perkataan bahasa Inggeris lebih kerap dialihkan kod berbanding dengan bahasa Malaysia. Golongan perkataan bahasa Inggeris iaitu kata nama dan kata adjektif lebih kerap dialihkan kod.

Ini membuktikan bahawa semasa mengalih kod, sampel-sampel lebih kerap memilih bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Malaysia. Melalui temubual juga dapat diketahui bahawa sampel-sampel kajian memang lebih gemar dan berminat menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Malaysia. Pengaruh ini mungkin disebabkan oleh tayangan program-program dari televisyen dan juga Astro. Kebanyakan filem-filem Tamil yang ditayangkan di Astro Vaanavil, Sun TV, Jaya TV dan sebagainya banyak mempunyai perlakuan pengalihan kod dari bahasa Tamil ke bahasa Inggeris. Pengaruh filem-filem Tamil ini banyak mempengaruhi mahasiswa-mahasiswi dalam kajian ini.


Satu lagi faktor yang menyebabkan sampel kajian memilih bahasa Inggeris ialah kerana mereka mengajar anak-anak mereka dalam bahasa Inggeris di rumah. Oleh kerana matapelajaran matematik dan sains diajar dalam bahasa Inggeris, maka subjek kajian ini terpaksa mengajar anak-anak mereka dengan istilah-istilah yang menggunakan bahasa Inggeris. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan sampel kajian lebih terdedah kepada penggunaan bahasa Inggeris berbanding bahasa

Malaysia. Keadaan ini telah dibuktikan sewaktu memberitahu nombor rumah (*two three six*) dalam bahasa Inggeris.

#### **4.15 Pengaruh Bahasa-bahasa lain yang digunakan sebagai bahasa pertuturan.**

Faktor pengaruh bahasa-bahasa lain yang dipelajari sebagai bahasa pengantar juga memainkan peranan penting dalam fenomena pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Tamil di Universiti Malaya. Tiga puluh enam orang responden yang menjadi sampel kajian ini boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu jurusan sains dan sastera. Mereka mempelajari bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris selain dari bahasa Tamil.

Selain itu penggunaan bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil secara meluas hanya dapat dilihat dalam kelas bahasa ibunda sahaja. Oleh kerana sampel lebih terdedah kepada bahasa-bahasa asing, maka sudah tentulah penguasaan bahasa-bahasa asing ini akan mempengaruhi bahasa pertuturan.



**Rajah 4.4 Kecenderungan sampel mengalihkan kata-kata bahasa Inggeris ke dalam pertuturan bahasa Tamil**

Daripada hasil dapatan, pengkaji mendapati bahawa kata-kata bahasa Inggeris kerap dialihkan kod sewaktu pertuturan dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaya. Jadual diatas menerangkan tentang hampir 90% sampel bersetuju bahawa mereka cenderung mengalihkan kata- kata bahasa Inggeris ke dalam pertuturan bahasa Tamil. Hanya 10 % sahaja tidak bersetuju dengan pendapat ini.

#### **4.16 Kesimpulan**

Secara kesimpulanya, dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan pandangan responden tentang fenomena pengalihan kod. Pengalihan kod ini bersifat berubah mengikut peredaran masa. Pengkaji juga telah menganalisis data secara terperinci untuk mencari jawapan kepada persosalan-persoalan kajian yang dikemukakan.

Latar belakang masyarakat Malaysia yang bersifat multilingual turut mengakibatkan kata- kata bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia dialihkan kod. Bahasa Inggeris menjadi bahasa yang banyak dialihkan kod pada peringkat ayat, frasa dan juga perkataan. Sifat-sifat bahasa Inggeris yang bergaya dan berciri moden mempengaruhi golongan remaja dan mengakibatkan pengalihan kod berlaku.

Pola-pola pengalihan kod dapat diketahui melalui penganalisan data. Sebanyak empat pola telah dianalisis dan telah diberikan contoh-contoh. Sampel yang dikaji di dapati lebih kerap mengalih kod dari bahasa Tamil ke bahasa Inggeris berbanding dengan Bahasa Tamil ke bahasa Malaysia.

Pengkaji juga tidak ketinggalan menerangkan tentang golongan perkataan yang menjadi pilihan sampel dalam pengalihan kod. Fenomena pengalihan kod dalam

kalangan mahasiswa-mahasiswi universiti Malaya telah menonjolkan ciri-ciri istimewa bahasa Tamil Malaysia.

Akhir sekali pengkaji juga membincangkan tentang faktor-faktor mengapa sampel mengalihkan kod sewaktu berkomunikasi dengan rakan sebaya. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa faktor dan setiap faktor itu telah diterangkan berdasarkan maklumat daripada soal-selidik serta temubual. Faktor penyingkatan masa, faktor mendapatkan kepastian, faktor memberi persetujuan atau penerangan, faktor kebiasaan dan faktor ketiadaan perbendaharaan kata atau kosa kata juga telah dikenal pasti dalam kajian ini.

Pada hemat pengkaji, jenis-jenis pengalihan kod yang dikumpulkan melalui transkripsi dan soal selidik mencerminkan unsur kreativiti para penutur. Dapatan kajian ini dibincangkan dalam bab 5. Pengkaji juga berpendapat bahawa pengalihan kod ini dianggap sebagai satu fesyen pertuturan dan kebanyakan remaja memang suka melakukan pengalihan kod secara disedari ataupun tanpa disedari. Seperkara lagi ialah pengalihan kod ini merupakan fenomena sosial dan linguistik yang cepat menular dalam kalangan remaja lebih-lebih lagi dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi universiti. Maka pengkaji mendapati bahawa memang sukar untuk menghalang remaja daripada pengalihan kod lebih-lebih lagi di institusi pendidikan tinggi seperti di Universiti Malaya.

## **BAB 5**

### **DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Amalan pengalihan kod dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia merupakan suatu fenomena Linguistik yang lumrah. Justeru itu pengetahuan tentang siapa, di mana, bila, bagaimana dan kenapa seseorang penutur mengalih kod adalah penting untuk dikaji. Persoalan ini dijadikan asas kajian ini untuk cuba menghuraikan fenomena pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi penutur bahasa Tamil di Universiti Malaya. Pengkaji juga membincangkan hasil kajian berdasarkan penganalisan data dan merumuskan dapatan kajian dalam bab 4. Pengkaji juga membuat kesimpulan mengenai dapatan kajian ini serta memberi pendapat dan cadangan mengenai fenomena pengalihan kod dan kesannya terhadap ketulenan bahasa Tamil.

#### **5.1 Dapatan kajian**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui samada wujud atau tidak pengalihan kod dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi di universiti Malaya. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perlakuan pengalihan kod yang berlaku dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi yang sedang menuntut di Universiti Malaya. Analisis kajian menunjukkan kesukaran mencari perkataan yang paling sesuai ketika membuat ujaran merupakan faktor utama subjek sering mencampurkan penggunaan bahasa ibunda dengan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris atau sebaliknya. Penutur dapat memastikan kelancaran komunikasi mereka sewaktu melakukan pengalihan kod. Ia juga merupakan pilihan Linguistik yang terbaik untuk mendukung maksud yang ingin

disampaikan. Memandangkan tujuan kajian ini berkait rapat dengan fenomena pengalihan kod, maka pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif yang harus dicapai. Antaranya adalah mengenalpasti kekerapan pengalihan kod, peringkat-peringkat pengalihan kod, bahasa pilihan, pola-pola pengalihan kod serta faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengalihan kod dalam kalangan sampel kajian di universiti Malaya.

### **5.1.1 Kekerapan peringkat pengalihan bahasa dalam perbualan**

Daripada penganalisan terhadap data yang diperolehi pengkaji telah mengesan kekerapan pengalihan bahasa dalam perbualan responden. Terdapat dua peringkat pengalihan bahasa. Peringkat pengalihan bahasa pertama ialah yang berlaku dalam keseluruhan ayat. Peringkat kedua adalah pengalihan bahasa yang berlaku pada peringkat kata atau frasa. Bagi mengenalpasti kedua-dua fenomena ini pengkaji membuat tujuh rakaman perbualan mahasiswa-mahasiswi.

Data yang dianalisis memberi maklumat terperinci mengenai fenomena pengalihan dan penukaran kod. Terdapat seratus dua puluh lapan patah perkataan yang digunakan dalam pengalihan kod di peringkat perkataan. Di peringkat klausa pula terdapat Sembilan ujaran yang telah dialih kod. Manakala di peringkat frasa terdapat dua puluh tiga ujaran yang dialihkan kod. Maka dapat dirumuskan bahawa pengalihan kod lebih banyak berlaku pada peringkat perkataan berbanding dengan pengalihan kod pada peringkat frasa atau klausa.

Adakalanya ketiadaan kosa kata juga menyebabkan berlakunya pengalihan kod. Apabila tiada kosa kata yang sesuai atau tepat untuk menerangkan sesuatu perkara atau konsep, maka penutur akan menggunakan bahasa lain untuk menyatakan hasratnya

dengan jelas. Ini biasa berlaku apabila merujuk pada sesuatu benda atau perkara yang tidak biasa dalam budaya mereka atau sesuatu benda yang baru dicipta. Contohnya perkataan-perkataan seperti *mee*, *keo teow*, *nasi lemak* adalah kata-kata bahasa lain yang sering dialihkan kod.

### **5.1.2 Golongan kata yang dialihkan kod**

Golongan kata yang dialihkan kod dalam dapatan kajian ialah kata nama, kata kerja, dan sifat nama (adjektif). Rumusan dapatan kajian menunjukkan bahawa kata adjektif (sifat nama) merupakan golongan kata yang paling banyak terlibat dalam pengalihan kod. Sebanyak 50% kata adjektif telah dialihkan kod dalam perbualan. Manakala 35% perkataan merupakan kata nama khas atau kata nama am. Bakinya adalah kata kerja iaitu sebanyak 10%. Tambahan pula kata-kata seperti *ok*, *mee goreng*, *tea*, *coffee*, *sorry* dan sebagainya telah menjadi kebiasaan dalam perbualan seharian mahasiswa-mahasiswa.

Pengkaji mendapati bahawa kata-kata sifat seperti *hot*, *cool* dan sebagainya telah dialihkan kod kedalam bahasa Tamil. Sebaliknya, kata-kata sifat yang sedia ada dalam bahasa Tamil jarang digunakan. Alasan yang diberi ialah ia tidak sesuai dalam sesetengah situasi perbualan. Sebaliknya kata-kata sifat bahasa Inggeris lebih menarik dan agak sesuai dengan citarasa mahasiswa-mahasiswa masa kini. Bahasa Tamil ini dianggap sebagai mempunyai ciri kemodenan, bergaya dan sesuai dengan trend masa kini.



### **5.1.3 Bahasa pilihan sampel semasa pengalihan kod**

Pengkaji juga mengenalpasti bahawa pengalihan kod dari bahasa Tamil ke bahasa Inggeris lebih banyak berlaku. Berdasarkan penganalisan maklumat yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 78.7 % sampel mengalihkan kod ke bahasa Inggeris. Pengalihan bahasa dari bahasa Tamil ke bahasa Inggeris berlaku sebanyak 107 kali. Bakinya adalah pengalihan kod dalam bahasa Malaysia iaitu sebanyak 29 kali atau sebanyak 21.3 %. Secara keseluruhannya, penggunaan bahasa Tamil adalah dalam kadar yang lebih tinggi diikuti dengan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Maka dapat dirumuskan bahawa bahasa Inggeris lebih kerap dialihkan kod berbanding dengan bahasa Malaysia.

